

**GERAKAN NASIONALISME MASYARAKAT BAJAU ERA PENJAJAHAN DI  
BORNEO UTARA, 1881-1945**

***THE NATIONALIST MOVEMENT OF THE BAJAU COMMUNITY DURING THE  
COLONIAL ERA IN NORTH BORNEO, 1881-1945***

**Md. Saffie Abdul Rahim\***

**Eko Prayitno Joko**

**Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, MALAYSIA.**

**\*Corresponding Author: [pie@ums.edu.my](mailto:pie@ums.edu.my)**

**Received: 7 May 2025; Accepted: 11 December 2025**

**Abstrak**

Pada tahun 1881 Borneo Utara mula dijajah oleh pihak British melalui *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC). Penjajahan ini telah mencetuskan semangat nasionalisme sehingga berlakunya penentangan terbuka dalam kalangan masyarakat Bajau di Borneo Utara. Penentangan masyarakat Bajau terhadap penjajah juga berlaku semasa era penjajahan Jepun pada tahun 1942. Artikel ini membincangkan gerakan nasionalisme masyarakat Bajau semasa era penjajahan di Borneo Utara dari tahun 1881 hingga 1945. Walaupun sejarah nasionalisme di Sabah sering kali dikaitkan dengan tokoh-tokoh seperti Mat Salleh dan Sarif Usman, peranan masyarakat Bajau sebagai pelopor semangat penentangan terhadap kuasa kolonial masih kurang diangkat dalam kajian sejarah arus perdana. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis peranan dan sumbangan masyarakat Bajau dalam menentang penjajahan British melalui pentadbiran BNBCC serta pendudukan Jepun. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen-dokumen sejarah, laporan kolonial, serta sumber lisan daripada komuniti tempatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Bajau di kawasan Teluk Darvel dan pulau-pulau sekitarnya telah menzahirkan semangat nasionalisme lebih awal berbanding kebangkitan Mat Salleh pada tahun 1890-an. Penentangan yang dipimpin oleh tokoh-tokoh seperti Maharajah Lambi, Panglima Uddang, dan Panglima Abdullah mencerminkan keupayaan masyarakat Bajau dalam mempertahankan wilayah mereka daripada pencerobohan pihak kolonial. Selain itu, penentangan masyarakat Bajau terhadap pendudukan Jepun pada tahun 1942 juga membuktikan keteguhan semangat patriotisme dalam mempertahankan tanah air daripada kuasa asing. Signifikan kajian ini menekankan bahawa perjuangan masyarakat Bajau perlu diiktiraf sebagai sebahagian penting dalam sejarah nasionalisme di Sabah. Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak kajian terperinci dan dokumentasi sejarah lisan dilakukan bagi menyingkap naratif yang tersembunyi mengenai gerakan nasionalisme masyarakat Bajau. Usaha ini penting bagi memperkukuh naratif sejarah tempatan dan menghargai sumbangan masyarakat Bajau dalam membentuk identiti dan kedaulatan Sabah.

**Kata Kunci:** Nasionalisme, Masyarakat Bajau, Borneo Utara, BNBCC, Pendudukan Jepun

## **Abstract**

*In 1881, North Borneo came under British colonial rule through the British North Borneo Chartered Company (BNBCC). This colonization sparked a sense of nationalism, leading to open resistance among the Bajau community in North Borneo. The resistance of the Bajau community against colonial rule continued during the Japanese occupation in 1942. This article discusses the nationalist movement of the Bajau community during the colonial era in North Borneo from 1881 to 1945. Although the history of nationalism in Sabah is often associated with figures such as Mat Salleh and Sarif Usman, the role of the Bajau community as pioneers of resistance against colonial powers remains underrepresented in mainstream historical research. This study aims to analyze the role and contributions of the Bajau community in resisting British colonization under the BNBCC and the Japanese occupation. A qualitative research approach was employed, involving the analysis of historical documents, colonial reports, and oral sources from the local community. The findings reveal that the Bajau community in the Darvel Bay area and surrounding islands demonstrated nationalist sentiments much earlier than Mat Salleh's uprising in the 1890s. Resistance led by figures such as Maharajah Lambi, Panglima Uddang, and Panglima Abdullah reflects the capacity of the Bajau community to defend their territories against colonial encroachment. Furthermore, the Bajau community's resistance during the Japanese occupation in 1942 also underscores their unwavering patriotism in defending their homeland from foreign domination. The significance of this study emphasizes that the struggles of the Bajau community should be recognized as a vital part of the history of nationalism in Sabah. It suggests that more in-depth studies and oral history documentation should be conducted to uncover the hidden narratives of the Bajau nationalist movement. Such efforts are crucial for strengthening local historical narratives and appreciating the Bajau community's contributions in shaping the identity and sovereignty of Sabah.*

**Keywords:** *Nationalism, Bajau Community, North Borneo, BNBCC, Japanese Occupation*

## **Pendahuluan**

Sehingga abad ke-18, Kepulauan Borneo mempunyai lapan wilayah utama iaitu wilayah Kimanis, Kinabalu, Merudu, Paitan, Labuk, Sandakan, Magindora dan Tirun. Sebahagian besar wilayah khususnya di pantai timur Borneo Utara berada di bawah penguasaan Kesultanan Sulu yang membawa bersama mereka sistem sosiopolitik dan ekonomi tersendiri seperti amalan perhambaan, penguasaan pemerintahan golongan *sarif*, *datu*, *panglima* dan *maharajah* serta kegiatan ekonomi berasaskan hasil laut. Sistem tradisional ini menjadi amalan harian masyarakat Bajau sehingga kedatangan kuasa asing di Borneo Utara. Namun kedatangan penjajah syarikat *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) pada 1881 dan Jepun pada 1942 telah banyak mengganggu sistem tradisional ini hingga menyebabkan masyarakat Bajau bertindak menentang mereka. Justeru persoalan asas di sini ialah, 1) bagaimanakah corak nasionalisme masyarakat Bajau di Borneo Utara sehingga tahun 1945? 2) Persoalan lain sejauh manakah penentangan masyarakat Bajau dianggap sebagai nasionalisme atau hanya sekadar pemberontak atau lanun? 3) Adakah penentangan masyarakat Bajau menjadi satu kebangkitan awal nasionalisme menentang kuasa penjajah di Borneo Utara?

Kajian nasionalisme masyarakat Bajau dari perspektif disiplin sejarah masih tidak banyak diberi tumpuan para pengkaji terdahulu. Satu-satunya kajian yang dianggap komprehensif dan menggunakan pendekatan sejarah ialah kajian James Francis Warren<sup>1</sup> pada 1971 bertemakan pentadbiran BNBBCC terhadap masyarakat Bajau di Teluk Darvel pada 1878-1909. Kajian ini cuba mengetengahkan tentang usaha pihak BNBBCC dalam mentadbir urus masyarakat Bajau di sekitar Teluk Darvel yang terikat dengan amalan sistem perhambaan. Walau bagaimanapun, amalan sistem perhambaan ini mengganggu kelancaran dan perkembangan ekonomi BNBBCC di Borneo Utara secara keseluruhannya. Oleh sebab itu, di pihak BNBBCC memperkenalkan undang-undang penghapusan sistem perhambaan. Kajian ini banyak memberi tumpuan kepada penentangan masyarakat Bajau yang menurut James Francis Warren bersifat “pemberontak dan lanun”. James Francis Warren hampir tidak langsung membincangkan secara khusus berkaitan dengan perkembangan kuasa dan kepimpinan dalam masyarakat Bajau di Teluk Darvel. Walhal disebalik usaha gerakan penentangan masyarakat Bajau, hakikatnya banyak dipengaruhi oleh faktor kuasa dan kepimpinan yang dimiliki oleh masyarakat Bajau di Teluk Darvel. Kegagalan James Francis Warren memahami keadaan sosial masyarakat Bajau yang sebenarnya menyebabkan beliau tidak dapat menggarap dengan baik persoalan kuasa dan kepimpinan masyarakat Bajau. Beliau juga tidak dapat memisahkan pendekatan penulisan *European Centric* tanpa menyeimbangkan langsung perbincangan beliau dari sudut pandang masyarakat Bajau itu sendiri. Situasi ini menyebabkan James Francis Warren kerap kali melabelkan gerakan penentangan masyarakat Bajau terhadap BNBBCC sebagai “lanun yang harus dihapuskan”. Sementara itu penentangan terhadap pendudukan Jepun di Borneo Utara pada tahun 1942 hingga 1945 yang turut melibatkan masyarakat Bajau di beberapa pulau di sekitar Jesselton yang diketuai oleh Panglima Alli, Arshad, Saruddin serta beberapa lagi pemimpin Bajau lain tidak dijadikan focus perbincangan dalam kajian James Warren.

Kajian berkaitan dengan kepimpinan masyarakat Bajau juga pernah dilakukan oleh Wilfredo Maggno Torres III.<sup>2</sup> Walau bagaimanapun, sekali lagi dilihat pendekatan perbincangan yang digunakan ialah pendekatan antropologi dan sosiologi. Malahan kajian kes yang digunakan sebagai fokus perbincangan ialah masyarakat Bajau Laut di Kg. Bangau-Bangau dengan sedikit perbandingan dengan beberapa masyarakat Bajau yang menetap di Pulau Denawan, Kg. Balimbang dan Kg. Labuan Haji di Pulau Bum-Bum. Walaupun wujud perbandingan, tetapi fokus kajian tetap sama iaitu kepimpinan dalam masyarakat Bajau Laut di Semporna. Sudah tentu perbincangan yang hanya memfokus kepada kumpulan etnik Bajau laut ini menyebabkan perbincangan tentang kuasa dan kepimpinan tidak dapat dibincangkan secara terperinci lagi menyeluruh. Masyarakat Bajau Laut yang dijadikan fokus kajian dalam penulisan ini hanyalah mewakili kumpulan sub-etnik minoriti di Semporna.

Kemudiannya kajian lanjutan tentang masyarakat Bajau dilakukan oleh Yap Beng Liang<sup>3</sup> pada 1993 dan Clifford Sather<sup>4</sup> pada 1997. Kedua-dua kajiannya ini turut cenderung membincangkan persoalan kajian mereka dengan menggunakan pendekatan antropologi dan sosiologi. Yap Beng Liang umpamanya lebih terarah kepada kajian berkaitan masyarakat Bajau di Pulau Omadal, sementara Clifford Sather memberi tumpuan terhadap etnik Bajau laut selaku salah satu sub etnik yang mempunyai perkembangan sosiobudaya yang tersendiri dalam masyarakat Bajau di Semporna. Tumpuan kajian terhadap perkembangan sosioekonomi serta budaya oleh

kedua-dua penulis ini mendorong kepada persoalan kuasa dan kepimpinan serta semangat nasionalisme tidak dibincangkan secara terperinci. Kalau adapun perbincangan tentang kuasa dan kepimpinan. Kecuali Clifford Sather, kelihatan sedikit membincangkan tentang sejarah awal masyarakat Bajau dan Semporna dalam pendahuluan penulisannya. Walau bagaimanapun, perbincangan beliau juga sangat ringkas dan kecenderungan beliau tidak lebih sekadar pengenalan awal sebelum perbincangan khusus tentang masyarakat Bajau laut di Semporna.

David Fielding<sup>5</sup> juga turut melakukan penyelidikan tentang masyarakat Bajau. Kajian David Fielding dilihat lebih berbentuk catatan pengalaman beliau selaku bekas Pegawai Daerah di Semporna dan Keningau selepas Perang Dunia Kedua iaitu semasa Sabah berada dalam penjajahan kolonial British. Justeru, penulisan buku beliau ini lebih (berbentuk catatan pengalaman beliau sebagai seorang pentadbir dalam pentadbiran awam kendalian kerajaan kolonial British. Justeru beliau tidaklah menggunakan pendekatan penulisan secara ilmiah sifatnya. Manakala kajian-kajian lain oleh K.G. Tregonning,<sup>6</sup> Ranjit Singh,<sup>7</sup> Ian Black,<sup>8</sup> Adrian B. Lapian<sup>9</sup> dan Robert Hoebel<sup>10</sup> merupakan antara penyelidik awal yang turut melakukan sedikit perbincangan tentang sistem hamba dalam masyarakat Bajau. Walau bagaimanapun, seperti yang dijelaskan sebelum ini, fokus perbincangan mereka tidak banyak mengkhusus terhadap persoalan kuasa, kepimpinan dan semangat nasionalisme masyarakat Bajau di Borneo Utara.

Sementara kajian berkenaan penentangan masyarakat Bajau ketika era pendudukan Jepun juga terhad. Kalau adapun kajian, perbincangan lebih terarah kepada perjuangan *Kinabalu Guerrilla Defence Force* (KGDF) sedangkan perjuangan masyarakat Bajau hanya dijelaskan secara sepintas lalu. Antara kajian khusus tentang perjuangan KGDF dibuat oleh Maxwell Hall<sup>11</sup> pada tahun 1948 diikuti beberapa tulisan oleh ahli-ahli KGDF yang masih hidup seperti Pang Tet Tsung (pernah membantu ayah beliau, Pang Vui Chau merawat ahli KGDF yang cedera), Sia Yuk Tet, Liew Chi Nyen (ahli KGDF Tuaran).<sup>12</sup> Kajian lain ialah Li Rui Qing<sup>13</sup> yang menjadi penyunting kepada monograf sejarah lisan para pejuang KGDF bersempena sambutan “Fiftieth Anniversary of the Kinabalu Guerrilla Uprising” dan juga Danny Wong.<sup>14</sup> Keseluruhan kajian ini cenderung menjelaskan kepentingan dan kejayaan perjuangan KGDF dari perspektif masyarakat Cina. Mereka banyak memberi gambaran tentang peranan Kwok Hng Nam @ Albert Kwok, Lim Keng Fatt (peniaga Cina di Jesselton) serta Lee Khum Fah sekitar tahun 1942 sebagai pencetus idea penubuhan *Chinese Defence Association* yang membawa kepada penubuhan KGDF. Kemudian terdapat pula kajian yang dilakukan oleh penulis Jepun seperti Yamazaki Aen, Kamihigeshi Teruo dan Hara Fujio.<sup>15</sup> Yamazaki Aen (berbangsa Sino-Dusun) yang menulis memoirnya selaku isteri kepada Yamazaki Kenji (Gabenor Keningau semasa pendudukan Jepun) sementara Hara Fujio membincangkan faktor yang menyebabkan KGDF melancarkan penentangan. Kajian Hara Fujio ini banyak menggunakan sumber Jepun sama seperti kajian Kamihigeshi Teruo yang turut menulis tentang perjuangan KGDF.

Jelas di sini bahawa kurang kajian berkenaan tema nasionalisme masyarakat Bajau sekitar 1880-an hingga 1945. Situasi ini menyebabkan ramai yang tidak sedar bahawa ketika Borneo Utara di bawah kuasa British dan Jepun, antara penentang yang berjiwa nasionalis ketika itu adalah dalam kalangan masyarakat Bajau itu sendiri.

## Sejarah Awal Masyarakat Bajau

Masyarakat yang menetap di laut atau di pinggir laut sememangnya wujud di hampir seleuruh dunia khususnya di perairan benua Asia seperti China, Hong Kong, Madagascar, Jepun, utara Australia serta Kepulauan-kepulauan lain sekitar Asia Tenggara. Pada abad ke 11, orang Bajau atau Sama di Filipina telah bergerak ke selatan Kepulauan Sulu. Kemudiannya selepas itu petempatan baru masyarakat Bajau telah dibina di utara dan pantai barat Sabah selain sepanjang pantai barat daya Sabah berhampiran Semporna. Masyarakat yang menetap di laut atau di pinggir laut Indonesia, Filipina dan Sabah dikenali sebagai orang Sama, Bajau, Samalan, Badjao, Bajaw, Bajo, Bajak Laut dan Orang Laut. Penyelidik prolifik yang banyak membincangkan tentang permulaan masyarakat *sea gypsies* ialah H. Arlo Nimmo.<sup>16</sup> Beliau yang menjadikan kajian kes masyarakat laut di Kepulauan Filipina. Masyarakat ini menurut beliau menetap di atas bot di laut buat pertama kalinya dicatatkan oleh orang Eropah adalah di Melaka pada 1511. Kumpulan pelayaran Magellan pada 1521 mencatatkan masyarakat di Zamboanga yang tinggal di atas bot. Begitu juga, pada 1675, Pegawai Kolonial Belanda mencatatkan masyarakat di Sulawesi yang menetap di atas perahu, diikuti catatan Thomas Forrest pada 1770-an mengenai masyarakat di Sulawesi dan timur Borneo. Pada 1839, kerajaan British di Burma juga mencatatkan kewujudan masyarakat serupa di kepulauan Mergui. Catatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Bajau yang menetap di perahu telah wujud sejak dahulu hingga kini.

Menurut Jones<sup>17</sup> istilah Bajau darat dan bajau laut yang digunakan di Sabah pada masa kini telah diguna pakai sejak sebelum Perang Dunia Kedua. Masyarakat ini menetap di pantai timur dan juga pantai barat Sabah. Masyarakat bajau di pantai timur terkenal sebagai nelayan dan pelayar manakala bajau pantai barat sebagai penunggang kuda, penternak dan petani. Pada 1913, masyarakat bajau di Kota Belud telah meningkat secara mendadak berbanding bajau di pantai timur. Dalam konteks bancian penduduk pertama di Borneo Utara pada 1891, suku etnik Bajau sudah dibanci dalam kumpulan etnik kedua terbesar selepas etnik Dusun dan Murut. Selepas Perang Dunia Kedua, peningkatan populasi masyarakat Bajau meningkat secara luar biasa khususnya peningkatan yang ketara di bahagian panti timur Sabah berbanding pantai barat. Jumlah migrasi masyarakat Bajau dari Filipina berlaku secara besar-besaran di kawasan pantai timur Sabah.

Pola petempatan etnik Bajau sebelum era penjajahan lebih bersifat berselerak iaitu menetap di perahu serta di sekitar pulau-pulau yang terdapat di Teluk Darvel, di pantai timur Sabah. Petempatan terawal etnik bajau adalah di pulau Omadal. Sultan Sulu pada ketika itu telah menghantar rombongan ke Semporna dan rombongan tersebut terdiri daripada suku kaum Bajau. Tempat yang menjadi tumpuan penghantaran Sultan Sulu ke Semporna ialah Pulau Omadal. Hal ini kerana, ketika itu tempat-tempat lain seperti Pulau Bum-Bum, Pulau Danawan dan pulau-pulau lain belum lagi diduduki oleh orang Bajau. Hanya setelah beberapa lama bermastautin di Pulau Omadal barulah tempat-tempat lain didiami masyarakat Bajau. Semasa masyarakat Bajau mula menetap di Pulau Omadal, terdapat lima orang ketua yang memimpin penduduk Pulau Omadal. Kedudukan ketua-ketua itu diiktiraf oleh Sultan Sulu dan mereka diwajibkan untuk menghantar ufti setiap tahun kepada Sultan Sulu. Empat daripada lima orang ketua tersebut kemudiannya telah dipindahkan dari Pulau Omadal ke tempat-tempat lain di Semporna. Tempat tersebut adalah kawasan Gallam-Gallam, Golom-Golom dan Kubang di Pulau Bum-Bum serta seorang di Pulau Silawa.<sup>18</sup> Oleh itu, dapat dikatakan penempatan di Pulau Bum-Bum dibuka setelah Pulau Omadal

diduduki masyarakat Bajau. Panglima Allani dalam lawatannya ke Pulau Danawan pada 1899 dijelaskan perkampungan tersebut di ketuai oleh Panglima Abu Sari. Sementara itu, Pulau Bum-Bum juga dikenal pasti sebagai kawasan penempatan yang berkembang pesat. Laporan rasmi BNBBCC dalam BNBBH bertarikh 15 April 1905 menjelaskan seperti berikut: *“Pada 2 Mei 1905, saya mendarat di Panto-Panto, berjalan kaki menuju ke Gosong Melanta dan seterusnya melalui jalan darat ke kampung-kampung di Bum-Bum, Egang-Egang dan Nosong Lalong. Saya telah menemubual ketua kampung di setiap lokasi. Tundun merupakan sebuah penempatan yang boleh dikategorikan sebagai baru. Setiap kawasan yang dilawati didapati lebih padat penduduknya berbanding sebelum ini. Di mana-mana sahaja, aktiviti pembinaan perahu sedang dijalankan secara besar-besaran.”* Perkembangan ini memperlihatkan proses integrasi ekonomi dan sosial masyarakat Bajau ke dalam struktur pentadbiran serta ekonomi BNBBCC. Aktiviti pembinaan bot yang meluas membuktikan bukan sahaja adaptasi terhadap sumber maritim, tetapi juga wujudnya jaringan ekonomi baharu yang menyumbang kepada pertumbuhan komuniti pesisir di Semporna dan kawasan sekitarnya.<sup>19</sup>

### **Corak Kerajaan Awal Sebelum Era Kolonial Di Borneo Utara**

Ketiadaan rekod yang jelas mengenai institusi politik terawal di Kepulauan Borneo sebelum abad ke-16 menimbulkan kesulitan dalam menelusuri sejarah politik awal di wilayah tersebut. Namun demikian, kajian-kajian terdahulu secara konsisten merujuk kepada dua entiti politik utama yang dominan selepas abad ke-16, iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Dalam analisis yang dikemukakan oleh para sarjana seperti Nicholas Tarling<sup>20</sup>, Mohammad Raduan Mohd Arif<sup>21</sup>, Asmad<sup>22</sup>, Nik Anuar Nik Mahmud<sup>23</sup>, Mohd Arif Dato' Othman<sup>24</sup>, Sabihah Osman<sup>25</sup>, dan Ian Black<sup>26</sup>, Kesultanan Brunei diakui sebagai institusi politik terawal yang membentuk struktur pemerintahan tersusun di Kepulauan Borneo, meliputi kawasan yang kini dikenali sebagai negeri Sabah.<sup>27</sup> Sebaliknya, pengaruh Kesultanan Sulu di Borneo Utara hanya mula berkembang pada pertengahan abad ke-17. Kawasan tersebut, khususnya di pantai timur Borneo Utara, dianugerahkan oleh Sultan Brunei, Sultan Abdul Hakkul Mubin, kepada Sultan Sulu, Sultan Salahuddin-Karamat @ Apngiran Bakhtiar pada tahun 1658. Anugerah ini bukan sahaja menandakan permulaan penguasaan politik Kesultanan Sulu di wilayah berkenaan, tetapi turut mencerminkan peluasan pengaruhnya dalam struktur politik serantau. Justeru, kedua-dua kesultanan ini memainkan peranan penting dalam pembentukan landskap politik di Kepulauan Borneo pada era tersebut.<sup>28</sup>

### **Pengaruh Kesultanan Sulu Di Borneo Utara**

Persoalan mengenai bagaimana Kesultanan Sulu melaksanakan kuasa dan kepimpinannya ke atas wilayah jajahannya di Kepulauan Borneo, khususnya di Teluk Darvel dalam wilayah Magindora, menjadi topik perbincangan yang signifikan. Hal ini memandangkan pusat pentadbirannya terletak jauh dan agak terasing di Maimbung, Kepulauan Jolo. Dalam konteks ini, kajian terperinci oleh Sabihah Osman mengenai struktur kuasa dan kepimpinan di Sabah sebelum Perang Dunia Kedua menawarkan penjelasan yang komprehensif terhadap persoalan ini. Menurut Sabihah Osman<sup>29</sup>, struktur kepimpinan dan kuasa di Borneo Utara ketika itu dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu: Politik Kesukuan (*Tribal Politics*), Politik Kesultanan (*Sultanate Politics*) dan Ketua bebas (*Independent Chiefs*). Politik kesukuan merujuk kepada sistem pemerintahan yang berasaskan kepada struktur sosial dan adat resam komuniti setempat.<sup>30</sup>

Pemimpin kesukuan, atau lebih dikenali sebagai *Orang Kaya-Kaya* atau ketua suku, memainkan peranan penting dalam mengurus hal ehwal masyarakat, termasuk menyelesaikan pertikaian, mengawal hasil ekonomi, dan mengekalkan keamanan dalam komuniti masing-masing. Kesultanan Sulu mengekalkan hubungan baik dengan pemimpin tempatan ini sebagai satu strategi untuk memperluas pengaruhnya tanpa perlu campur tangan secara langsung. Melalui hubungan ini, Kesultanan Sulu mampu memastikan bahawa kepentingannya di wilayah seperti Teluk Darvel tetap dipelihara dan dihormati. Politik kesultanan pula merujuk kepada pemerintahan yang berpusat kepada institusi diraja, di mana kuasa mutlak tertumpu kepada Sultan sebagai pemerintah tertinggi. Meskipun pusat pentadbiran Kesultanan Sulu terletak di Maimbung, Kepulauan Jolo, kuasanya di Borneo dilaksanakan melalui pelantikan *Datus* dan *Panglimas* sebagai wakil pentadbiran di kawasan-kawasan strategik. Para wakil ini bertanggungjawab untuk memungut cukai, mengawal perdagangan, serta mengurus hubungan diplomatik dengan penduduk tempatan dan kuasa luar. Di Teluk Darvel, pengaruh Kesultanan Sulu diperkukuh melalui pelantikan pemimpin tempatan yang bertindak sebagai perantara antara pihak kesultanan dan masyarakat setempat. Selain daripada struktur politik berasaskan kesukuan dan kesultanan, wujud juga kepimpinan bebas yang dikenali sebagai *Ketua Bebas*. Golongan ini terdiri daripada individu berpengaruh yang tidak terikat secara langsung dengan mana-mana kesultanan, tetapi dihormati oleh komuniti tempatan kerana kekayaan, pengaruh sosial, atau kemampuan mempertahankan wilayah mereka. Dalam beberapa keadaan, Kesultanan Sulu turut menjalin kerjasama strategik dengan Ketua Bebas ini untuk memastikan kestabilan politik dan ekonomi di wilayah yang jauh daripada pusat pentadbiran utamanya.<sup>31</sup>

Pendekatan pelbagai lapisan dalam struktur politik ini menunjukkan bahawa Kesultanan Sulu menggunakan strategi pemerintahan tidak langsung (*indirect rule*) melalui kerjasama dengan pemimpin tempatan yang diberi kuasa autonomi tertentu. Melalui sistem ini, Kesultanan Sulu mampu mengekalkan pengaruh politik dan ekonominya di Teluk Darvel dan kawasan sekitarnya meskipun wujud jarak geografi yang ketara antara pusat pentadbiran di Maimbung dan tanah jajahan di Borneo.

Justeru, di manakah kategori kuasa dan kepimpinan wilayah Magindora seperti yang dinyatakan oleh Sabihah Osman? Sudah tentu Kepulauan Borneo secara keseluruhannya dan wilayah Magindora khususnya berada dalam status politik berasaskan pemerintahan kesultanan memandangkan wilayah-wilayah ini banyak memberi keuntungan ekonomi dan politik sejak abad ke-18 hingga abad ke-19. Para pedagang Taosug telah terlibat dalam urusan niaga seperti menjual, memberi hutang, tukar barang dan juga urusan niaga perdagangan antara Borneo Utara dan Jolo sehingga ke peringkat kawasan hulu-hulu sungai khususnya di Sungai Kinabatangan.<sup>32</sup>

Memandangkan pusat pemerintahan Kesultanan terletak jauh dari Kepulauan Borneo iaitu di Maimbung, Kepulauan Jolo, kuasa diberikan kepada wakil-wakil Sultan Sulu yang dikenali sebagai “Ketua Bebas”. Ketua Bebas yang dilantik Sultan Sulu terdiri dari kalangan golongan aristokrat Sulu seperti *sarif* dan *datu* yang membawa bersama pengikut-pengikut mereka untuk tinggal menetap dan berdagang di Kepulauan Borneo. Manakala bagi masyarakat Bajau, Ketua Bebas merupakan mereka yang berpengaruh dan mempunyai sifat keberanian diberi gelaran *panglima* dan *maharajah*.<sup>33</sup> Walau bagaimanapun “Ketua Bebas” tetap dikawal oleh pihak Kesultanan Sulu melalui pembayaran ‘ufti’ tahunan. Antara pemimpin-pemimpin yang diberi kuasa sebagai pemimpin oleh Sultan Sulu mengikut keterangan D. S. Ranjit Singh ialah; Datu

Yahya, Rajah Tuah dan Pangiran Amas Silam, Datu Kurunding menjadi ketua di Omadal, Bum-Bum dan Pulau Gaya dan Tunku, Maharaja Alam di Pantau-Pantau dan Raja Laut di Pulau Gaya dan Panglima Abdul Rahman di Pulau Omadal.<sup>34</sup>

Dalam kajian Wilfredo Maggno Torres III juga menjelaskan secara ringkas tentang kuasa dan kepimpinan di Pulau Denawan yang juga banyak dipengaruhi oleh pengaruh dan kekuasaan Kesultanan Sulu.<sup>35</sup> Semasa Teluk Darvel masih lagi berada dalam kekuasaan Kesultanan Sulu, ketua bebas yang dilantik oleh Sultan Sulu mengetuai etnik di Pulau Denawan ialah Panglima Goni, kemudiannya digantikan oleh anak beliau, Panglima Abu Sari yang memegang jawatan tersebut sejak Borneo Utara dijajah oleh BNCC sehinggalah meletusnya Perang Dunia Kedua.<sup>36</sup>

### **Perhambaan Sebagai Status Sosial**

Dalam mengekalkan status kuasa dan kepimpinan berpengaruh, satu lagi warisan Kesultanan Sulu dalam kalangan masyarakat Teluk Darvel ialah institusi perhambaan. Golongan hamba ini hakikatnya banyak membantu golongan aristokrat dan pemimpin dalam hierarki masyarakat Kesultanan Sulu. Golongan hamba sangat memainkan peranan penting untuk menjadi pengukur kekuatan pengaruh politik sebagai seorang pemimpin. Kepentingan institusi hamba dalam pemerintahan Kesultanan bukan hanya sebagai keperluan sumber manusia yang tidak mencukupi di Jolo tetapi hamba juga penting untuk mengekalkan kuasa politik dan ekonomi dalam kalangan para pemimpin.

Oleh sebab kepentingan golongan hamba dalam kalangan institusi sosial masyarakat dalam lingkungan pengaruh Kesultanan Sulu, masyarakat Bajau Teluk Darvel di wilayah Magindora turut mewarisi hierarki sosial yang sama. Malahan institusi perhambaan ini telah menjadi aktiviti utama dalam kegiatan sosioekonomi dan politik mereka. Di Teluk Darvel, antara kawasan yang sangat aktif dalam kegiatan perhambaan ialah di Pulau Omadal dan juga Tunku. Hamba di Pulau Omadal kebanyakannya diambil dari Malaya, Singapura, Filipina dan Indonesia akan dijual ke Palawan dan Bulungan di Kalimantan. Pusat-pusat urusan hamba-hamba ini dilakukan di Palawan, Tawi-Tawi dan Jolo. Manakala di Borneo Utara ialah di Benkoka yang terletak dalam wilayah Teluk Merudu, Tunku serta Pulau Omadal di Teluk Darvel.<sup>37</sup>

### **Kemerosotan Pengaruh Kesultanan Sulu di Borneo Utara**

Pengaruh Kesultanan Sulu di Borneo Utara mula merosot pada pertengahan kurun ke-19. Kemerosotan ini berpunca daripada kedatangan kuasa Eropah. Kuasa British telah bertindak menyerang Tempasuk dan Teluk Marudu pada 1845, Pulau Balangingi diserang oleh Sepanyol pada 1848 dan Riung oleh Belanda pada 1858 yang akhirnya banyak mengganggu aktiviti perhambaan. Tindakan Sepanyol juga menyebabkan hubungan perdagangan Jolo dan Manila terganggu yang akhirnya pada 1871 Sepanyol telah melakukan serangan ke atas pemerintahan Kesultanan Sulu. Situasi ini menyebabkan masyarakat Balangingi, Illanun dan Bajau yang terikat

dengan sistem perhambaan telah beralih arah pusat kegiatan perhambaan mereka dari Kepulauan Jolo ke Tawi-Tawi, Tunku, Pulau Omdal dan Pulau Gaya serta Sibuco.<sup>38</sup>

Kehilangan tempat bergantung para Ketua Bebas ini menyebabkan mereka mula mencari identiti sendiri dan menonjolkan kekuatan masing-masing bagi mengekalkan status kuasa dan kepimpinan mereka. Mulalah para Ketua Bebas menunjukkan ketidaksetiaan mereka terhadap Kesultanan Sulu. Antara penentangan tersebut ialah pada 1860-an, Tunggal iaitu Ketua masyarakat di Pulau Gaya bertindak menentang Datu Harun Al-Rashid iaitu wakil Sultan Sulu di Kinabatangan. Peristiwa kedua apabila Maharaja Alam dari Omdal juga menunjukkan tidak taat setianya kepada Sultan Sulu yang dijelaskan sebagai..., *at Darvel Bay, since 1875, Maharaja Alam had also stopped sending the Sulu's share of the Madai and Sigalong birds' nests and refused to pay the customary allegiance to the Sultan.*<sup>39</sup> Malahan Maharaja Alam telah bersekutu dengan Maharaja Lambi dan Imam Si Balang dari Gusung Melanta dan Pantau-Pantau untuk terus melakukan penentangan bukan sahaja kepada Sultan Sulu tetapi juga kepada British.<sup>40</sup> Seterusnya pada 1877, Imam Janjowi dan Datu Kurunding yang dikatakan mempunyai 600 hamba telah menentang Sultan Sulu dan berjaya membunuh seramai 7 orang pengikut Datu Harun's pada 1878. Malahan pada 1878, sebanyak 50 buah perahu milik Imam Janjowi, Datu Kurunding, Maharajah Alam dan raja Laut (Pulau Gaya) telah membawa seramai 500 pengikut mereka untuk menyerang Sugut, Labuk dan Lingkabo untuk menangkap hamba dan juga mengganggu perdagangan antara Palawan, Borneo Utara dan Labuan.

Akhirnya kekuasaan dan pengaruh Kesultanan Sulu ini berakhir sama sekali pada tahun 1903 setelah BNCC memetrai perjanjian penegasan dengan Sultan Sulu, Sultan Mohammad Jamalul-Kiram II di Sandakan pada 29 April 1903. Nik Anuar Nik Mahmud menulis perjanjian '*Confirmation of Cession of Certain Islands off North Borneo*' tersebut dalam kedua-dua kajiannya seperti berikut;

*We the Sultan of Sulu & c. state with truth and clearness that we have ceded to the Government of British North Borneo of our pleasure all the islands that are near the territory of North Borneo from Banguay Island as far as Sibuko Bay. These are the names of them: Muliangis, Muliangin, Muliangin Kechil, Malawali, Tegabu, Bilian, Tegaypil, Lang Kayen, Boan, Lahiman, Bakungan, Bakungan Kechil, Libaran, Taganak, Beguan, Mantanbuan, Gaya, Omdal, Si Amil, Mabol, Kepalai, Dinawan and the other islands that are situated alongside, or round or between the islands that are above mentioned.*<sup>41</sup>

Bahawa ada-lah kita Paduka Maha Seri Maulana as-Sutan Haji Muhammad Jamalulkiram ibn al-Marhum Paduka Maha Seri Maulana As-Sultan Muhammad Jamalulkiram yang mempunyai takta negeri Sulok dengan sekalian taalok-nya menyatakan dengan sa-sungguh-nya dalam keterangan ini bahawasanya kita telah kere-dzai menyerahkan kepada perintah British North Borneo dengan suka hati kita sendiri segala pulau-pulau yang berhampiran dengan tanah North Borneo dari Pulau Banggi hingga sampai ke telok Sibuku, ini-lah nama-nya Mulayangin, Mulayangin Kechil, Malawali, Tigabu, Bilian, Tagapil, Langkayan, Boan, Lahiman, Bakungan, Bakungan Kechil, Libaran, Taganak, Baguan, Mantabuan, Gaya, Omdal, Si Amil, Mabol,

Kepalai, Dinawan dan lain-lain pulau yang ada berhampiran atau keliling atau dudok di-antara pulau-pulau tersebut nama-nya di-atas itu.<sup>42</sup>

*The reason why the names of these island were not mentioned in their agreement made with Baron de Overbeck and Mr (now Sir) Alfred Dent on the 19th day of Muharram A.H. 1295 corresponding to the 22nd. January, 1878, is because it was know and mutually understood that these islands were included in the grant of the countries and islands mentioned in the agreement above referred to.*<sup>43</sup>

Dokumen penyerahan pulau-pulau oleh Sultan Sulu kepada Kerajaan BNBBCC seperti yang dijelaskan dalam kajian Nik Anuar Nik Mahmud di atas bukan sekadar bersifat pentadbiran atau teknikal, sebaliknya merupakan instrumen politik dan undang-undang yang menandakan pengakhiran autoriti kedaulatan Sultan Sulu di Borneo Utara. Melalui bahasa yang tegas dan tidak bersyarat, dokumen ini memperlihatkan satu peralihan kuasa yang muktamad daripada pemerintahan tradisional kepada pentadbiran kolonial.

### **Penentangan Awal Masyarakat Bajau Era BNBBCC**

Satu implikasi yang jelas melalui wujudnya pengaruh Kesultanan Sulu dalam masyarakat Teluk Darvel ialah perkembangan institusi perhambaan yang diwarisi mereka. Para pemimpin masyarakat Bajau Teluk Darvel perlu mengekalkan institusi perhambaan yang mereka warisi ini memandangkan melalui wujudnya golongan-golongan hamba inilah maka status sosial mereka terus terpelihara. Walau bagaimanapun, seperti yang dibincangkan sebelum ini, institusi perhambaan ini banyak mengganggu kelancaran pentadbiran BNBBCC di Borneo Utara.

Beberapa insiden yang ada kaitan dengan institusi hamba telah berlaku semasa zaman awal penjajahan BNBBCC di Borneo Utara. Antara insiden-insiden tersebut ialah serangan kapal dagang pada tahun 1875 yang dijelaskan oleh James F. Warren sebagai... *In 1875, some of the island Bajau of the Omaddal district had boldly raided a European warship. The Austrian frigate Frederich under the command of Captain Baron von Oesterreicher, was surveying in the southern corner of Darvel Bay.* Begitu juga peristiwa “Timbong Incident” pada 1878 iaitu yang melibatkan aktiviti pemerdagangan manusia (perhambaan) yang dilakukan oleh masyarakat Illanun dan Balangingi yang diketuai oleh Imam Janjowi dari Tawi-Tawi dan Datu Kurunding dari Tunku Seterusnya insiden “declaration of war” iaitu pertelagahan antara masyarakat Bajau daerah Pulau Omadal dan BNBBCC ialah pada 1885 apabila masyarakat Bajau menyerang perahu dagang dari Bulungan dan menculik para pedagangnya untuk tujuan pemerdagangan manusia. Peristiwa lain ialah insiden masyarakat Bajau Pulau Omadal pada 1886 menculik pemungut sarang burung berbangsa Idahan sebagai tindak balas kepada tindakan Pangeran Amas (Ketua Eraan/Idahan) yang menyokong BNBBCC memerangi masyarakat Bajau. Begitu juga peristiwa insiden tahun 1892 apabila masyarakat Bajau daerah Pulau Omadal menyerang dan membunuh para pedagang yang melalui perairan Pulau Omadal, Pulau Timbun Mata dan Pulau Denawan sekitar 1898 dan 1903.<sup>44</sup> Insiden-insiden yang berlaku ini jelas menunjukkan betapa aktiviti perhambaan sangat aktif berlaku di Borneo Utara.

Bagi menangani aktiviti perhambaan di Borneo Utara, beberapa langkah diambil pihak BNBBCC antaranya tindakan ekspedisi kapal *H.M.S Kestrel* yang diketuai oleh Kapten Edwards pada 1878 yang dihantar bagi menyelesaikan aktiviti penentangan Imam Janjowi dan Datu Kurunding yang menyebabkan ramai para pengikut beliau melarikan diri ke daerah Pulau Omdal. Gabenor Treacher juga mengisytiharkan “Provisional Rules and Regulations concerning Slavery” pada tahun 1881 sebagai usaha membanteras aktiviti pemerdagangan manusia (perhambaan). Turut dilancarkan serangan kapal perang *Sabine* ke atas Pulau Omdal pada tahun 1885 yang dianggap bahawa pulau berkenaan merupakan pusat utama kegiatan perhambaan di Teluk Darvel. Pihak BNBBCC juga turut meminta bantuan daripada Panglima Laut (Ketua Kampung Stesen Silam tahun 1884) dan Datu Gumbah (Native Magistrate stesen Silam tahun 1882) bagi menyelesaikan isu penculikan pedagang Bulungan oleh masyarakat Bajau daerah Pulau Omdal.

Pihak BNBBCC juga bertindak memperkuat pertahanannya dengan menghantar kapal *Paknam* pada Disember 1885 dan *Royalist* pada 20 Januari 1886 ke Pulau Omdal, Gabenor Treacher telah mengarahkan kapal perang *H.M.S Zephyr* dan *Sabine* untuk menyerang dan memusnahkan daerah Pulau Omdal serta kampung Pantau-Pantau dan Gusung Melanta di Pulau Bum-Bum.<sup>45</sup> Pihak BNBBCC turut mengambil langkah memperkenalkan undang-undang yang dikenali sebagai ‘Cukai Kepala’ pada 1889 dan cukai perahu pada 1901. Melalui sistem ini, gerak geri orang Bajau dapat diawasi dengan mudah kerana semua perahu diberi lesen dan nombor. Seterusnya pada 1892 pihak BNBBCC telah memperkenalkan undang-undang yang dikenali sebagai sistem “collective responsibility”. Melalui undang-undang ini, sesiapa sahaja individu yang melakukan kesalahan di setiap kampung, keseluruhan penduduk yang menetap dikampung berkenaan akan bertanggungjawab. Contohnya, pada 1892, masyarakat daerah Pulau Omdal telah didenda sebanyak \$250 atas kesalahan penculikan dan rompakan. Walau bagaimanapun, Panglima Abdul Rahman tidak dapat membayar denda tersebut dalam masa dua minggu seperti yang ditetapkan. Kesannya Mr. Dunlpo, Kapten Barnett dan beberapa kumpulan askar telah menyerang daerah Pulau Omdal dengan menggunakan kapal *S.S Petrel*. Panglima Abdul Rahman dan pengikutnya telah berjaya melarikan diri sebelum serangan dilancarkan.<sup>46</sup> Maharaja Alani iaitu abang kepada Panglima Abdul Rahman yang juga pemimpin di Omdal telah meminta tempoh untuk menyelesaikan masalah tersebut. Namun demikian setelah tempoh tersebut tamat, beliau masih gagal menjelaskan denda tersebut. Kesannya sebanyak 18 buah rumah dibakar di Pulau Omdal serta satu perahu *sappit*. Akibat daripada kemusnahan Pulau Omdal, menyebabkan seramai 150 lelaki, wanita dan kanak-kanak yang diketuai oleh Maharaja Alani di Omdal telah berpindah ke Silam. Manakala sebahagian daripada mereka juga ada yang berpindah ke Pulau Bum-Bum. Kesan kekalahan yang dialami oleh Maharaja Alani menyebabkan beliau semakin patuh kepada BNBBCC dan akhirnya telah dilantik sebagai *Native Magistret* Teluk Darvel.<sup>47</sup> Antara langkah yang dianggap berkesan pihak BNBBCC dalam menangani aktiviti perhambaan di Borneo Utara ialah apabila mereka berusaha melibatkan masyarakat Bajau dalam hal-hal pentadbiran. Tambahan pula masalah kekurangan pegawai Inggeris dalam pentadbiran di Teluk Darvel dihadapi. Sehingga 1882, hanya 23 orang pegawai British di seluruh Borneo Utara dan terus berkurangan kepada hanya 18 orang sahaja pada 1887 iaitu selepas BNBBCC menjalankan dasar mengurangkan kakitangan dalam pentadbirannya.

Oleh itu, pihak BNBBCC telah menjalankan sistem pentadbiran secara ‘tidak langsung’ terhadap penduduk pribumi termasuklah di Teluk Darvel. Pihak BNBBCC telah membentuk semula institusi politik yang berkaitan dengan hal ehwal pribumi di peringkat daerah dan kampung. Institusi pribumi seperti, Ketua Anak Negeri (KAN) atau *Native Chief* yang membawa gelaran Orang Kaya-Kaya dan Orang Tua (OT) diserapkan sebagai jawatan pentadbiran paling rendah tetapi diberi kedudukan khusus dan perhatian istimewa dalam perkhidmatan kerajaan BNBBCC.<sup>48</sup> Kreteria penting perlantikan KAN sudah tentu seseorang itu perlu bekerjasama dengan pemerintahan BNBBCC. Dalam hal-ehwal pentadbiran, KAN ini akan berurusan secara langsung dengan pihak BNBBCC. Manakala bagi OT, mereka tidak boleh berurusan secara langsung dengan BNBBCC melainkan perlu terlebih dahulu melalui KAN.<sup>49</sup> Antara OT di Semporna pada tahun 1896 ialah Panglima Lohari yang telah membuka petempatan di Trusan Treacher.<sup>50</sup> Kerajaan BNBBCC membahagikan ketua-ketua pribumi kepada dua iaitu ketua yang diakui (diberi elaun) dan tidak diakui (tidak diberi elaun). Pembahagian pula bergantung kepada kelayakan ketua-ketua tradisional ini khususnya penilaian dari segi pengaruh dan kekuatan serta ketaatsetiaan para pemimpin ini kepada pemerintah BNBBCC dan keluasan kawasan yang berada di bawah pengaruh seseorang ketua, jumlah penduduk dan hasil daerah masing-masing.<sup>51</sup> Ketua yang mendapat elaun bertugas sebagai menjaga keamanan, memungut cukai dan menguruskan hal ehwal keadilan di setiap kawasan yang mereka ketuai dan mendapat elaun bulanan sebanyak \$5.00 - \$40.00 ringgit sebulan selain sedikit elaun tambahan sebagai pengadil Mahkamah Anak Negeri. Manakala ketua tanpa upah hanya ditugaskan untuk memungut cukai dengan menerima 1/3 daripada kutipan cukai setelah mereka menyerahkan terus kutipan tersebut kepada Pegawai Daerah dan 1/10 sekiranya diserahkan kepada ketua upahan.<sup>52</sup> Penglibatan masyarakat tempatan dalam pentadbiran BNBBCC sememangnya menjadi sebab utama kepada aktiviti perhambaan di Borneo Utara semakin berkurangan.

Seiringan dengan termetrainya perjanjian antara BNBBCC dengan Sultan Sulu, Sultan Mohammad Jamalul-Kiram II di Sandakan pada 29 April 1903. kuasa dan kepimpinan dalam masyarakat Bajau di Semporna juga mula berubah. Perlantikan Panglima Uddang pada 1903 sebagai Ketua Anak Negeri (KAN) di Semporna menggantikan Maharajah Allani, bukan lagi dipilih dari kalangan mereka yang mempunyai pertalian langsung dengan Kesultanan Sulu. Panglima Uddang merupakan seorang yang hanya mempunyai sedikit latar pendidikan dilantik sebagai *Native Chief* setelah kematian Maharaja Alani. Sabihah Osman sendiri mengakui bahawa, pihak BNBBCC sangat percaya dan keyakinan yang tinggi kepada Panglima Uddang selaku KAN dalam mentadbir masyarakat Bajau di Teluk Darvel berbanding pegawai-pegawai Inggeris yang dilantik.<sup>53</sup>

### **Masyarakat Bajau Sebagai Pencetus Nasionalisme Awal Sabah?**

Persoalan utama yang timbul ialah sama ada perjuangan masyarakat Bajau di Pulau Omdal, Teluk Darvel boleh ditafsirkan sebagai gerakan nasionalisme, atau konsep nasionalisme ini hanya sesuai dikaitkan dengan perjuangan Syarif Usman dan Pahlawan Mat Salleh semata-mata. Dalam wacana sejarah kebangkitan nasionalisme di Sabah, naratif yang sering diketengahkan lazimnya

merujuk kepada perjuangan Syarif Usman sekitar tahun 1890–1895 di Teluk Kota Marudu, serta Pahlawan Mat Salleh di Jesselton (kini Kota Kinabalu) dan beberapa kawasan sekitarnya sekitar tahun 1894. Kedua-dua tokoh ini kerap dianggap sebagai simbol utama penentangan bersifat nasionalisme di Sabah, sebagaimana yang digariskan dalam kandungan buku teks sekolah dan penulisan ilmiah terdahulu. Persepsi ini seolah-olah menggambarkan bahawa hanya terdapat dua bentuk gerakan nasionalisme yang mewakili seluruh kaum di Sabah, sekaligus mengetepikan peranan masyarakat Bajau di Teluk Darvel.

Namun demikian, jika diteliti berdasarkan definisi nasionalisme oleh para sarjana, perspektif ini wajar dipertimbangkan semula. Minogue<sup>54</sup> pada 1967 mentakrifkan nasionalisme sebagai "kesedaran politik, ekonomi, atau kebudayaan" yang memperjuangkan hak dan kedaulatan sesebuah komuniti terhadap kuasa luar. Manakala Smith<sup>55</sup> pada 1991 menjelaskan bahawa nasionalisme ialah "satu pergerakan ideologikal untuk pencapaian dan pemeliharaan pemerintahan sendiri." Kedua-dua definisi ini menekankan aspek kesedaran kolektif dan penentangan terhadap dominasi asing, yang secara langsung relevan dengan corak penentangan masyarakat Bajau di Teluk Darvel serta komuniti Bajau di sekitar pulau-pulau di Jesselton dalam menghadapi pendudukan Jepun.

Dalam konteks penentangan masyarakat Bajau di Pulau Omdal, kebangkitan ini sebenarnya bermula seawal tahun 1875 iaitu 15 tahun lebih awal daripada perjuangan Syarif Usman di Teluk Kota Marudu. Penentangan ini dicetuskan oleh tindak balas terhadap pencerobohan pihak penjajah yang mengganggu wilayah tradisional mereka, selain campur tangan kolonial dalam adat istiadat dan amalan tradisional masyarakat Bajau. Kemuncak kepada semangat nasionalisme masyarakat Bajau di Pulau Omdal berlaku apabila mereka mengisytiharkan penentangan secara terbuka terhadap pemerintahan BNBBCC. Faktor utama yang mendorong tindakan tersebut adalah ancaman terhadap amalan perhambaan iaitu suatu warisan daripada Kesultanan Sulu yang cuba dihapuskan oleh pihak kolonial.

Walaupun langkah-langkah yang diambil oleh BNBBCC secara zahirnya berjaya mengurangkan aktiviti perhambaan dan penculikan di Borneo Utara, khususnya di kawasan Teluk Darvel, kesan jangka panjang daripada dasar-dasar tersebut turut mencetuskan perubahan mendasar dalam struktur sosial dan kesedaran politik masyarakat Bajau. Tindakan ketenteraan berskala besar, penguatkuasaan undang-undang secara kolektif, serta pemusnahan petempatan seperti di Pulau Omdal bukan sahaja menjejaskan jaringan ekonomi tradisional masyarakat Bajau, malah turut meruntuhkan autonomi politik dan kedaulatan tempatan yang sebelum ini dinikmati oleh pemimpin-pemimpin pribumi. Dalam konteks ini, dasar anti-perhambaan BNBBCC tidak dapat dipisahkan daripada projek penjajahan yang lebih luas, iaitu penguasaan politik dan pentadbiran kolonial secara menyeluruh. Pengenalan sistem *collective responsibility*, cukai kepala dan cukai perahu memperlihatkan usaha BNBBCC untuk mengawal mobiliti dan kehidupan seharian masyarakat Bajau, khususnya komuniti maritim yang sememangnya bergantung kepada pergerakan bebas sebagai asas kelangsungan hidup mereka. Pengawasan ketat terhadap perahu dan laluan laut bukan sahaja bertujuan membanteras perhambaan, malah berfungsi sebagai mekanisme pengawasan politik dan ekonomi. Keadaan ini telah melahirkan rasa ketidakadilan dan penindasan struktural dalam kalangan masyarakat Bajau, yang melihat dasar kolonial tersebut sebagai ancaman langsung terhadap identiti, kebebasan dan sistem sosial tradisional mereka.

Pada masa yang sama, strategi pentadbiran tidak langsung BNBCC yang melibatkan pelantikan KAN dan Orang Tua telah mencipta hierarki kuasa baharu dalam masyarakat Bajau. Walaupun sebahagian pemimpin pribumi diberi kedudukan, elaun dan pengiktirafan rasmi, hubungan ini bersifat bersyarat dan bergantung sepenuhnya kepada kesetiaan terhadap pemerintah kolonial. Keadaan ini mewujudkan perpecahan dalaman dalam masyarakat Bajau antara golongan elit kolaborator dan kelompok yang tersisih daripada struktur kuasa baharu. Perpecahan ini seterusnya menyemai kesedaran politik dalam kalangan masyarakat tempatan, khususnya tentang sifat eksploitatif dan hegemonik pentadbiran BNBCC. Kesan daripada penindasan ketenteraan, hukuman kolektif dan campur tangan dalam institusi kepimpinan tradisional telah mendorong sebahagian masyarakat Bajau untuk membangunkan bentuk penentangan yang lebih bersifat sosial dan politik, walaupun masih belum terzhahir sebagai nasionalisme moden seperti abad ke-20. Penentangan ini dapat difahami sebagai nasionalisme awal atau proto-nasionalisme, yang berasaskan kesedaran etnik, solidariti komuniti, dan usaha mempertahankan maruah serta kedaulatan tempatan daripada dominasi kolonial. Dalam hal ini, tindakan BNBCC yang kononnya bertujuan memodenkan dan menamatkan perhambaan secara paradoks telah mempercepatkan proses politisasi masyarakat Bajau. Kejayaan relatif BNBCC dalam mengurangkan aktiviti perhambaan tidak boleh dipisahkan daripada implikasi sosial dan politik yang lebih mendalam. Dasar-dasar kolonial tersebut bukan sahaja mengubah struktur pentadbiran dan ekonomi di Teluk Darvel, malah turut melahirkan kesedaran kolektif dalam kalangan masyarakat Bajau tentang kedudukan mereka sebagai komuniti yang ditakluk dan dikawal. Kesedaran inilah yang kemudiannya menjadi asas kepada kebangkitan semangat penentangan dan nasionalisme etnik terhadap pemerintahan BNBCC pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20.

Selain isu perhambaan, terdapat faktor-faktor lain yang turut menyemarakkan semangat penentangan masyarakat Bajau di Teluk Darvel terhadap BNBCC, termasuklah rasa dendam terhadap kuasa Sepanyol yang menggugat institusi politik Kesultanan Sulu. Insiden serangan kapal *Frederich* yang diketuai oleh Kapten Baron von Oesterreicher pada tahun 1875 menjadi simbol kepada kemarahan tersebut. Menurut William Hood Treacher, serangan ini memperlihatkan campur tangan kuasa asing yang mengancam kestabilan politik dan ekonomi masyarakat Bajau di wilayah tersebut. *Felt that the Bajau probably mistook the Frederich for a "vessel of war belonging to Spain with whom their sovereign, the Sultan Sulu, was at that time at war."*<sup>56</sup> Begitu juga Tindakan pihak Belanda membina kubu dan menempatkan kapal perang di perairan Batu Tinagat kerana mendakwa bahawa Batu Tinagat termasuk dalam wilayah naungannya berdasarkan perjanjiannya dengan kerajaan Bulongan pada 1850, Tindakan tersebut dibantah oleh pemimpin masyarakat Bajau antaranya Pangeran Balantie dan Haji Mohammad Salih dari Pulau Omdal.<sup>57</sup>

Peristiwa-peristiwa seperti ini jelas memberi gambaran bahawa masyarakat Bajau daerah Pulau Omdal ini mempunyai sikap berani, tegas dengan asas perjuangan dan taat setia yang tinggi terhadap Kesultanan Sulu selaku kuasa pemerintah tertinggi dalam daerah Magindora. Mereka sanggup memerangi kapal-kapal yang melalui kawasan mereka memandangkan kapal-kapal kuasa Eropah ini dianggap sebagai musuh Kesultanan Sulu selain boleh mengancam kedaulatan negara mereka. Tindakan ini bertepatan dengan makna nasionalisme yang melahirkan perasaan cintakan tanahair oleh sebahagian besar rakyat dan usaha untuk membentuk sebuah

negara bangsa. Nasionalisme merujuk kepada hak negara itu dipulangkan kepada rakyatnya termasuklah hak memerintah, menguruskan ekonomi dan bebas dari segala kongkongan kuasa asing. Akibatnya, masyarakat Bajau di daerah Pulau Omdal telah bersatu untuk mempertahankan adat tradisi, tanahair dan kedaulatan Kesultanan Sulu selaku ketua pemerintah bagi wilayah Magindora secara keseluruhannya. Sifat-sifat seperti inilah yang jelas menunjukkan kepada kita bahawa masyarakat Bajau daerah Pulau Omdal khususnya dan Teluk Darvel keseluruhannya sememangnya mempunyai semangat nasionalisme yang utuh bagi mempertahankan bangsa dan daerah mereka.

### **Nasionalisme Masyarakat Bajau Dalam Gerakan Anti-Jepun**

*Kinabalu Guerrillas Defence Force* (KGDF) melancarkan serangan secara terbuka ke atas Jepun pada malam 9 Oktober 1943 dan berjaya menguasai Jesselton (Kota Kinabalu), Tuaran dan Menggatal.<sup>58</sup> Kejayaan ini diraikan pada 10 Oktober 1943 dengan menaikkan bendera Borneo Utara, Britain, Amerika dan Republik China di Jesselton.<sup>59</sup> Namun kejayaan hanya bertahan selama 3 hari apabila pihak Jepun bertindak balas pada 13 Oktober 1943. Albert Kwok akhirnya menyerah diri pada 19 Disember 1943 dan ini menandakan berakhirnya gerakan anti-Jepun secara berorganisasi di Borneo Utara. Sebahagian besar anggota KGDF yang berjaya ditangkap telah dikenakan hukuman mati pada 21 Januari 1944.<sup>60</sup> Kejayaan singkat KGDF menyebabkan gerakan ini sering dirujuk sebagai pencetus awal gerakan anti-Jepun di Borneo Utara. Namun begitu, kejayaan perjuangan KGDF dalam menentang pendudukan Jepun di Sabah tidak dapat dipisahkan daripada peranan signifikan masyarakat Bajau sebagai penyokong utama gerakan tersebut. Kedudukan masyarakat Bajau yang berakar di kawasan pesisir dan maritim memberikan kelebihan strategik yang kritikal kepada KGDF, khususnya dalam aspek mobiliti, logistik dan perisikan. Penguasaan laluan laut, pulau-pulau terpencil serta pengetahuan mendalam tentang geografi setempat membolehkan pergerakan anggota gerila, penghantaran bekalan dan penyampaian maklumat dilakukan secara sulit tanpa mudah dikesan oleh tentera Jepun. Dalam konteks peperangan gerila, penguasaan laluan laut, teluk tersembunyi, dan pulau terpencil membolehkan pergerakan senjata dan bekalan secara sulit, pemindahan anggota gerila tanpa dikesan tentera Jepun dan hubungan rahsia dengan rangkaian anti-Jepun di Filipina Selatan. Keupayaan pelayaran tradisional masyarakat Bajau menjadikan laut bukan halangan, tetapi ruang strategik perjuangan, sesuatu yang gagal dikuasai sepenuhnya oleh tentera Jepun.

Selain menyediakan perlindungan, makanan dan kemudahan pengangkutan, sebahagian masyarakat Bajau turut terlibat secara langsung dalam operasi gerila, sekali gus menegaskan sifat perjuangan ini sebagai gerakan rakyat yang merentas etnik dan bukan sekadar inisiatif elit tertentu. Sokongan kolektif masyarakat Bajau yang diberikan dalam keadaan risiko hukuman keras oleh pihak Jepun menjadikan mereka agen kelangsungan yang memastikan KGDF mampu bertahan dan beroperasi secara berkesan sepanjang tempoh pendudukan, sekali gus membuktikan bahawa kejayaan gerakan anti-Jepun di Sabah bergantung secara langsung kepada sokongan masyarakat peribumi, khususnya masyarakat Bajau.

Jelasnya tanpa bantuan masyarakat bajau, gerakan KGDF tidak akan menemui kejayaan (walaupun kejayaan itu hanya seketika). Cuma perjuangan mereka ini tidak berorganisasi selain tidak mempunyai senjata yang mencukupi dan tidak mendapat latihan ketenteraan yang sistematik. Situasi ini turut dijelaskan oleh F.G. Whelan sebagai, *the offshore islanders were keen*

*to attack their masters, but they were not organized; nor were the Chinese, nor the Eurasians. Day by day all the people of Sabah were becoming more desperate. There was need of a leader, and one came forward.*<sup>61</sup> In bermakna tindakan bekerjasama dengan KGDF merupakan satu alternatif yang terbaik bagi penduduk pribumi yang tidak lagi sanggup ditindas Jepun. Malah dari segi jumlah keanggotaan KGDF yang mencecah 300 orang berbanding saiz geografi Borneo Utara seluas 29,000 batu persegi, sudah tentu amat sukar untuk mereka melancarkan serangan ke atas Jepun secara menyeluruh. Justeru itu, Albert Kwok selaku pemimpin tertinggi KGDF telah meminta bantuan masyarakat tempatan yang terdiri daripada masyarakat Bajau.

Para penyelidik terdahulu juga cuba menggambarkan perjuangan masyarakat Bajau yang menentang Jepun sebagai perjuangan dalam satu organisasi yang sama iaitu KGDF walhal mereka merupakan kumpulan yang berlainan dengan KGDF. Penentangan Panglima Alli di Pulau Sulug, pahlawan Saruddin dari Pulau Dinawan, pahlawan Jamalul dari Pulau Mantanani dan pahlawan Arshad dari Kg. Oudar, Menggatal bergerak secara berasingan dengan KGDF. Walau bagaimanapun, bagi mencapai matlamat perjuangan, ketua-ketua masyarakat ini telah bersetuju membantu dan bekerjasama dengan KGDF untuk memastikan corak penentangan anti-Jepun bersifat menyeluruh. Masyarakat Bajau ini terkenal sebagai etnik yang berani, cekal dan berdaya usaha. Mereka yang sangat tertekan dengan dasar pemerintahan Jepun yang menindas penduduk tempatan khususnya nelayan.<sup>62</sup> Justeru, ramai daripada mereka menunggu ruang dan peluang untuk melancarkan gerakan penentangan secara terbuka.<sup>63</sup>

### **Perjuangan Panglima Alli dan Sekutunya**

Panglima Alli yang dibantu oleh orang kanannya, Kasil dan Sandolan serta para pengikut setianya dari kalangan penduduk kampung telah bertindak menentang Jepun secara gerila. Beliau seorang yang berpengaruh khususnya dalam kalangan masyarakat Bajau sekitar Pulau Mantanani, Kota Belud, Pulau Banggi, Kudat, Pulau Gaya, Pulau Mangalum dan perairan Api-Api. Manakala di sekitar tanah besar, antara pengikut setia Panglima Alli ialah penduduk Likas, Putatan, Petagas, Inanam, Menggatal, Tanjung Aru dan Sepanggar.<sup>64</sup>

Peristiwa penentangan Panglima Alli bermula setelah beliau bersama 33 orang pengikutnya bertindak membakar gudang getah di pelabuhan Jesselton pada 9 Oktober 1943.<sup>65</sup> Serangan ini telah mendatangkan kemarahan tentera Jepun memandangkan kemusnahan gudang tersebut boleh menjejaskan kedudukan mereka di Borneo Utara. Walau bagaimanapun, perjuangan Panglima Alli tidak bertahan lama memandangkan kelengkapan senjata yang tidak secanggih tentera Jepun.<sup>66</sup> Akhirnya Panglima Alli dan beberapa orang pengikutnya berjaya ditangkap pada pertengahan bulan Oktober 1943.<sup>67</sup>

Sementara Sifat nasionalis dan patriotik para pejuang masyarakat Bajau lain turut terserlah dalam beberapa lagi pejuang Bajau lain di sekitar pulau-pulau yang terdapat di Jesselton yang bersama-sama menentang pemerintahan Jepun di Borneo Utara. Pahlawan Saruddin berjuang mengetuai masyarakat Bajau Pulau Dinawan, pahlawan Jamalul mengetuai masyarakat dari Pulau Mantanani dan pahlawan Arshad mengetuai masyarakat Bajau dari Pulau Oudar, Menggatal.<sup>68</sup> Pejuang-pejuang ini melakukan serangan serentak dengan kumpulan KGDF terhadap Jepun pada Oktober 1943.

Beberapa lagi sekutu perjuangan Panglima Alli dalam menentang pendudukan Jepun antaranya pahlawan Arshad, Saruddin dan Jamalul. Mereka ini juga sangat signifikan dalam memastikan kejayaan memerangi Jepun di bahagian laut Ketika serangan oleh Albert Kwok pada 9 Oktober 1943. Para pahlawan dari komuniti Bajau yang menetap di sekitar pulau-pulau di perairan Jesselton juga harus dijulung sebagai hero atau wira dalam sejarah gerakan anti-Jepun. Walaupun perjuangan mereka hampir sebahagian besarnya menemui kegagalan, perjuangan tokoh-tokoh ini sangat bermakna, signifikan dan penting dalam sejarah gerakan anti-Jepun di Sabah

### **Siapa Hero/Wira Dalam Perjuangan anti-Jepun di Sabah?**

Persoalan siapa hero atau wira dalam sejarah penentangan Jepun di Sabah mungkin agak subjektif jawapannya memandangkan setiap individu mempunyai tafsiran dan prespektif tersendiri. Persoalan ini masih dianggap subjektif memandangkan masih tidak wujud seorang pun tokoh yang berjaya memimpin satu gerakan secara terarah untuk menentang Jepun di Sabah. Namun begitu, dalam buku-buku teks di peringkat sekolah menengah, contohnya buku teks sejarah Tingkatan Satu, ditonjolkan gerakan KGDF oleh Albert Kwok dan kumpulan gerila yang diketuai oleh Datu Mustapha Datu Harun sebagai tokoh penting dalam gerakan anti Jepun.<sup>69</sup> Mungkinkah kedua-dua tokoh ini boleh dianggap sebagai hero atau wira Sabah dalam gerakan anti-Jepun di Sabah? Bagi saya, persoalan siapa wira atau hero tidak boleh hanya ditujukan kepada beberapa individu tertentu sahaja memandangkan perjuangan gerakan anti-Jepun di Sabah merupakan satu kebangkitan rakyat secara bersama. Oleh sebab itu, beberapa lagi para pejuang masyarakat Bajau seperti, Panglima Alli, pahlawan Arshad, Saruddin dan Jamalul harus dijulung sebagai hero atau wira dalam sejarah gerakan anti-Jepun. Walaupun perjuangan mereka hampir sebahagian besarnya menemui kegagalan, perjuangan tokoh-tokoh ini sangat bermakna, signifikan dan penting dalam sejarah pergerakan anti-Jepun di Sabah.<sup>70</sup>

Mungkin gerakan penentangan masyarakat Bajau ini tidak berorganisasi dan sistematik seperti KGDF tetapi dengan hanya 300 orang anggota, sudah tentu amat sukar bagi KGDF melakukan penentangan terhadap Jepun tanpa bantuan para pejuang Bajau ini. Kerjasama ini membolehkan penentangan tersebut menjadi lebih terancang apabila KGDF boleh memberi tumpuan kepada Jesselton, Menggatal dan Tuaran manakala para pejuang Bajau melakukan serangan gerila di bahagian pantai barat selatan, kawasan pulau dan pesisir pantai Jesselton serta Sandakan. Di bahagian pinggir pantai dan pulau, KGDF banyak mendapat bantuan dari para pejuang masyarakat Bajau seperti Panglima Alli dari Pulau Sulug, Saruddin dari Pulau Dinawan, pahlawan Jamalul dari Pulau Mantanani dan pahlawan Arshad dari Pulau Oudar, Menggatal. Pengetahuan dan pengalaman strategi perang di laut yang dimiliki oleh para pejuang masyarakat Bajau sangat bermakna dan penting dalam menentukan kejayaan gerakan anti-Jepun.

Masyarakat Bajau ini sebenarnya mempunyai barisan pejuang yang mempunyai semangat patriotik, nasionalis, berprinsip, setia kepada perjuangan dan sanggup mempertaruhkan nyawa sendiri dan keluarga semata-mata bagi mencapai matlamat perjuangan; Pahlawan Saruddin dan pengikut-pengikutnya dari Pulau Dinawan sanggup menerima hukuman bunuh tentera Jepun. Hampir keseluruhan penduduk lelaki di pulau berkenaan telah ditangkap dan dipenjara di Batu Tiga Jalan Petagas. Setelah beberapa hari ditahan dan disiasat, mereka telah dihantar semula ke Pulau Dinawan dan dikenakan hukuman tembak sampai mati di hadapan isteri dan anak-anak.<sup>71</sup>

Masyarakat Bajau Pulau Mantanani yang menyokong kuat perjuangan pahlawan Jamalul turut dikenakan hukuman bunuh. Pada Februari 1944, iaitu empat bulan selepas peristiwa penentangan KGDF, 24 orang askar Jepun dan 30 tentera telah menyoal siasat penduduk di Pulau Mantanani. Pada waktu ini, semua penduduk pulau tidak dibenarkan keluar ke laut. Walau bagaimanapun, seramai 58 orang daripada penduduk pulau berkenaan telah melanggar peraturan tersebut yang akhirnya menyebabkan mereka ditahan dan diseksa di Jesselton sehingga meninggal dunia.<sup>72</sup> Hal yang sama berlaku dalam perjuangan pahlawan Arshad dan pengikutnya dari Kg. Oudar apabila seramai 29 daripada 64 orang penduduk Kg. Oudar telah diseksa dan dihukum bunuh.<sup>73</sup> Malahan diakhir Perang Dunia Kedua, masyarakat Pulau Sulug dijelaskan sebagai tidak lagi mempunyai penduduk dari kalangan kaum lelaki. Ketika pihak British datang ke pulau berkenaan pada tahun 1945, penghuni pulau berkenaan terdiri daripada kalangan wanita dan kanak-kanak sahaja. Akibatnya, Ketua Kampung di Pulau Sulug telah dilantik daripada kalangan kanak-kanak lelaki yang masih berumur 11 tahun.<sup>74</sup>

## Kesimpulan

Gerakan nasionalisme masyarakat Bajau semasa era penjajahan di Borneo Utara merupakan satu babak sejarah yang unik dan signifikan dalam sejarah tempatan Sabah. Namun demikian, perhatian terhadap peristiwa ini masih terhad, dengan kajian mengenai masyarakat Bajau lebih tertumpu kepada identiti mereka sebagai masyarakat *sea-nomads* berbanding peranan mereka dalam gerakan penentangan dan nasionalisme. Hakikatnya, di sebalik identiti maritim tersebut, masyarakat Bajau memiliki sejarah politik, kepimpinan, dan semangat nasionalisme yang kaya, namun kurang diberi penekanan dalam naratif sejarah arus perdana. Sejak zaman Kesultanan Sulu sehinggalah era pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (BNBCC), masyarakat Bajau telah melahirkan barisan kepimpinan yang berpengaruh dan disegani. Tokoh-tokoh seperti Maharajjah Lambi, Maharajjah Abdul Rahman, dan Maharajjah Allani, bersama beberapa pemimpin sezaman yang lain, merupakan barisan pemimpin masyarakat Bajau ketika era Kesultanan Sulu. Malangnya, sumbangan mereka jarang sekali diangkat dalam catatan sejarah politik Sabah. Selain itu, tokoh-tokoh seperti Panglima Uddang, Panglima Abdullah, dan Tun Sakaran turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh pengaruh politik Bajau sepanjang era kolonial. Namun begitu, kepentingan mereka dalam membentuk landskap politik tempatan jarang sekali diberi perhatian dalam wacana sejarah. Penulis bersetuju dengan pandangan K.P. Tabrett<sup>75</sup> dalam penulisannya yang menegaskan bahawa tokoh-tokoh yang signifikan dalam aspek politik, ekonomi, dan sosial seharusnya diberi pengiktirafan sewajarnya. Bagi menanam kesedaran sejarah dalam kalangan generasi muda, nama-nama tokoh ini wajar diabadikan melalui penamaan jalan, bangunan kerajaan, dan kemudahan awam. Selain itu, plak peringatan dan penanda sejarah perlu didirikan bagi menceritakan kisah di sebalik nama tokoh tersebut serta menjelaskan sejarah di setiap lokasi bersejarah. Usaha ini bukan sahaja dapat mengangkat nama-nama besar ini tetapi juga dapat mendidik generasi akan datang mengenai sumbangan mereka terhadap pembangunan negara. Penentangan masyarakat Bajau semasa pendudukan Jepun juga tidak kurang signifikannya, walaupun banyak yang tidak didokumentasikan secara menyeluruh. Keberanian dan semangat patriotik yang ditonjolkan oleh pahlawan seperti Panglima Alli, Saruddin, Jamalul, dan Arshad memperlihatkan keteguhan masyarakat Bajau dalam mempertahankan Sabah daripada penjajahan, meskipun berhadapan

dengan pelbagai kekurangan. Justeru, pejuang-pejuang tempatan ini wajar diangkat setaraf dengan tokoh-tokoh pejuang lain yang pernah menentang Jepun, sama ada di peringkat negeri mahupun nasional.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Bajau merupakan antara pencetus awal semangat nasionalisme di Sabah, jauh lebih awal daripada kebangkitan Mat Salleh melawan BNBBCC pada tahun 1890-an. Rekod sejarah menunjukkan bahawa penentangan masyarakat Bajau terhadap kuasa kolonial Eropah bermula seawal tahun 1870-an, namun naratif ini masih kurang diberikan perhatian dalam kajian sejarah. Akibat daripada kekurangan dokumentasi yang menyeluruh, perjuangan masyarakat Bajau tidak diraikan atau dikenang secara besar-besaran, berbeza dengan sambutan "Hari Pahlawan" di peringkat kebangsaan. Malah, sambutan memperingati pejuang anti-Jepun di Sabah kebiasaannya hanya melibatkan ahli keluarga pejuang KGDF serta tentera Bersekutu Australia dan British, tanpa memberi pengiktirafan yang setimpal kepada pejuang tempatan dari kalangan Bajau. Oleh itu, kajian ini menggariskan keperluan untuk menilai semula naratif sejarah yang selama ini meminggirkan sumbangan masyarakat Bajau dalam membangkitkan semangat nasionalisme di Sabah. Pengiktirafan terhadap peranan masyarakat Bajau bukan sahaja akan memperkaya pemahaman terhadap sejarah tempatan Sabah, tetapi juga mampu mencabar naratif sejarah yang sering kali lebih tertumpu kepada tokoh-tokoh yang lebih dikenali seperti Mat Salleh. Bagi memperkukuh dapatan kajian ini, penyelidikan masa depan dicadangkan agar memberi fokus kepada eksplorasi yang lebih terperinci mengenai struktur politik, strategi penentangan, dan impak sosioekonomi gerakan nasionalisme masyarakat Bajau. Selain itu, projek sejarah lisan (*oral history projects*) perlu dilaksanakan untuk mengumpul testimoni daripada waris dan warga emas dalam komuniti Bajau bagi mendokumentasikan pengalaman dan kisah perjuangan mereka. Kerjasama dengan sejarawan tempatan dan organisasi masyarakat turut dapat membantu menyingkap naratif yang tersembunyi dan mengangkat peranan penting masyarakat Bajau dalam perjuangan menentang penjajahan di Borneo Utara. Melalui usaha sedemikian, legasi perjuangan nasionalisme masyarakat Bajau dapat difahami, dipelihara, dan dihargai sebagai sebahagian daripada warisan sejarah Sabah.

## **Penghargaan**

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah.

## **Biodata**

Profesor Madya Dr. Md Saffie Abdul Rahim ([pie@ums.edu.my](mailto:pie@ums.edu.my)) merupakan Profesor Madya di Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah, MALAYSIA.

Dr. Eko Prayitno Joko ([ekoprayitnojoko@ums.edu.my](mailto:ekoprayitnojoko@ums.edu.my)) merupakan Pensyarah Kanan di Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah MALAYSIA

## Nota

- 
- <sup>1</sup> James Francis Warren, *The North Borneo Chartered Company's Administration of The Bajau, 1887-1909: The Pacification of a Maritime, Nomadic People*. Ohio University, 1971, hlm 33
- <sup>2</sup> Wilfredo Maggno Torres III, "Voyages and Ethnicity Across Reordered Frontiers: Conflict Resolution and Leadership in The Dynamics of Ethnic Identity Formation Among the Sama Dilaut of Semporna", *Economic Prospects, Cultural Encounters and Political Decisions: Reconstructing Scenes in A Moving Asia (East and Southeast). The Work of the 2002/2003. API Fellows*. (2002/03), hlm. 24.
- <sup>3</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omdal: Aspek-Aspek Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1983, hlm. 9.
- <sup>4</sup> Clifford Sather, *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-eastern Sabah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 22.
- <sup>5</sup> David Fielding Borneo, *Jewel in a jade rainbow: Letters and legends from North Borneo Sabah*, Kota Kinabalu: Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA), 1997, hlm. 44.
- <sup>6</sup> K.G. Tregoning, *A History of Modern Sabah, 1881-1963*, Singapura: University of Malaysia Press, 1965, hlm 23.
- <sup>7</sup> D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur University of Malaya Press, 2000, hlm. 91-92.
- <sup>8</sup> Ian Black, *A Gambling Style of Government: The Establishment of the Chartered Company's Rule In Sabah, 1878-1915*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 5.
- <sup>9</sup> Adrian B. Lopian, *Orang Laut Bajak Laut Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX*, Jakarta: Komunitas Bambu, Agustus 2009, hlm. 43.
- <sup>10</sup> Robert Hoebel, *Sabah*, Singapore: Eurasia Press (Offset) Pte Ltd, 1984.
- <sup>11</sup> Maxwell Hall, *Kinabalu Guerrillas: An Account of the Double Tenth Rising Against the Japanese Invaders in North Borneo*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2009, hlm. 65.
- <sup>12</sup> Liew Chi Nyen, "Yeujidei Beizheng de Hui Yi" (Tragic Memory of The Jesselton Kinabalu Anti-Japanese Guerilla) In Shu Yun Tsiao (ed.), 1984, hlm. 32, *Malayan Chinese Resistance to Japan in 1937-1945 – Selection Source Materials*, Singapore: Culture & Historical Publishing House, hlm. 718-719
- <sup>13</sup> Li Rui Qing (ed.), *Shensan Yinlie Zhi* (Annals of Kinabalu Heros), Kota Kinabalu, 1999, hlm. 21.
- <sup>14</sup> Pang Tet Tshung, "Jesselton Uprising In 1943," *The Sarawak Tribune*, (8 April 1950), hlm. 7 dan Sia Yuk Tet, *Youji Dui Kangri Shi* (History of the Anti-Japanese Kinabalu Guerrillas), Tawau: Tawau Daily Publications, 1978, hlm. 11.
- <sup>15</sup> Yamazaki Aen, *The Southern Cross Never Deceives*, Tokyo: Hokushido, 1952, hlm. 11, Hara Fujio, "The 1943 Kinabalu Uprising In Sabah," dlm. Paul H. Krastoska (ed.), *Southeast Asian Minorities in the Wartime Japanese Empire*, London: Routledge Curzon, 2002, hlm, 22 dan Kamihigeshi Teruo, "The Api Incident in Japanese Military Occupied North Borneo," *Journal of Economic and Information Science*. Vol. 47, No. 1, 2002, hlm. 207-213 (in Japanese).
- <sup>16</sup> Nimmo, H. Arlo, *The Sea People of Sulu. A Study of Social Change in the Philippines*, San Francisco: Chandler Publishing Company, 1972, hlm. 75.
- <sup>17</sup> Jones L. W, *The Population of Borneo: A Study of the Peoples of Sarawak, Sabah and Brunei*, London: Athlone Press, hlm. 1972.
- <sup>18</sup> Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omdal: Aspek-Aspek Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1983, hlm. 44.
- <sup>19</sup> Ibid
- <sup>20</sup> Nicholas Tarling, *Sulu and Sabah: a study of British policy towards the Philippines and North Borneo from the late eighteenth century*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. 55.
- <sup>21</sup> Mohd. Raduan Mohd. Ariff, *Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000, hlm. 22.
- <sup>22</sup> Asmad, *Sabah*, Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd, 1987, hlm. 39.
- <sup>23</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina Ke Atas Borneo Utara*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2001, hlm. 28
- <sup>24</sup> Mohd Ariff Dato' Hj. Othman, *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi Dari Segi Sejarah, Undang-Undang dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 24.
- <sup>25</sup> Sabihah Osman, *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah, 1985, hlm. 13.

- <sup>26</sup> Ian Black, *A Gambling Style of Government: The Establishment of the Chartered Company's Rule in Sabah, 1878-1915*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 22.
- <sup>27</sup> Perang Saudara yang dikenali sebagai Perang Chermin di Brunei pada 1658 iaitu antara Sultan Abdul Hakkul Mubin di Pulau Chermin yang memberontak untuk menentang Pangeran Muhyiddin. Pemberontakan tersebut telah berjaya diselesaikan setelah Sultan Abdul Hakkul Mubin meminta bantuan Sultan Sulu, Sultan Salahuddin-Karamat @ Apngiran Bakhtiar pada 1658. Sebagai tanda penghargaan, pada 1658 (ada juga catatan yang mengatakan tahun 1702) Sultan Hakkul Mubin, Sultan Brunei telah menghadiahkan Sultan Salahuddin-Karamat @ Apngiran Bakhtiar beberapa wilayah kekuasaannya di Sabah iaitu bermula dari Sungai Kimanis di pantai barat laut hingga ke Sungai Kinabatangan di timur laut. Pemberian wilayah Sabah sebagai 'hadiah' kepada Sultan Sulu ini menjadi permulaan kepada penguasaan Kesultanan Sulu di Sabah. Rujuk Asmad Sabah, Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd. 1987, hlm. 9-11 dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina Ke Atas Borneo Utara*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm. 15.
- <sup>28</sup> Terdapat penjelasan tentang Kepulauan Borneo dalam sumber China yang merujuk Kesultanan Brunei sebagai *Kingdom of Poli*, dalam rekod Dinasti Sung (960-1279) sebagai *Puni*, rekod Marco Polo tentang hubungan perdagangan China dan Borneo sekitar abad ke-14, abad ke-15, orang Cina yang diketuai oleh Ong Sum Ping menetap di sepanjang Sungai Kinabatangan. Rujuk Nigel Heyward, *Sarawak, Brunei & North Borneo*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1963, hlm. 64-65
- <sup>29</sup> Sabihah Osman, *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah, 1985, hlm. 13.
- <sup>30</sup> Ibid.
- <sup>31</sup> Ibid.
- <sup>32</sup> D. S. Ranjit Sing, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur University of Malaya Press, 2000, hlm. 91-92.
- <sup>33</sup> Sabihah Osman, *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah, 1985, hlm. 13.
- <sup>34</sup> D. S. Ranjit Sing, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur University of Malaya Press, 2000, hlm. 97.
- <sup>35</sup> Wilfredo Maggno Torres III, "Voyages and Ethnicity Across Reordered Frontiers: Conflict Resolution and Leadership in The Dynamics of Ethnic Identity Formation Among the Sama Dilaut of Semporna," *Economic Prospects, Cultural Encounters and Political Decisions: Reconstructing Scenes in a Moving Asia (East and Southeast)*. *The Work of the 2002/2003, API Fellows*, hlm. 24.
- <sup>36</sup> Ibid.
- <sup>37</sup> D. S. Ranjit Sing, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur University of Malaya Press, 2000, hlm. 95
- <sup>38</sup> Ibid., hlm. 103
- <sup>39</sup> Ibid., hlm. 107
- <sup>40</sup> Ibid., hlm. 103-104
- <sup>41</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina Ke Atas Borneo Utara*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001, hlm. 28
- <sup>42</sup> Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan tidak disebut secara khusus dalam perjanjian ini memandangkan pulau tersebut tidak banyak menyumbang kepada ekonomi BNBCC. Bagaimanapun kedua pulau ini berada di bawah tadbir urus Residen Lahad Datu yang bertanggung jawab mengeluarkan lesen kepadapemungut telur penyu. Antara mereka yang pernah memegang lesen ialah Panglima Abu Sari dan Maharaja Muhamad. Rujuk Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu Sempadan dan Kedaulatan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 59 & 87
- <sup>43</sup> Ibid., hlm. 131 dan Mohd Ariff Dato' Hj. Othman, *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi Dari Segi Sejarah, Undang-Undang dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 24
- <sup>44</sup> James F. Warren, "The North Borneo Chartered Company's Administration of The Bajau, 1878-1909," *Theses Master of Arts, Center for International Studies, Ohio University*, 1971, hlm. 55
- <sup>45</sup> Ibid., hlm. 59
- <sup>46</sup> Ibid., hlm. 72-73
- <sup>47</sup> Ibid.
- <sup>48</sup> Setelah Sabah dijajah oleh BNBCC bermula pada 1881, perkara asas yang sangat diutamakan oleh BNBCC sudah tentu soal keuntungan yang maksimum. Walau bagaimanapun, tidak bermakna pihak BNBCC melupakan tanggung jawab soal 'kebajikan' masyarakat tempatan. Pemberian "Piagam Diraja" ke atas syarikat ini hakikatnya

mengkehendaki pihak BNBBCC memberi perlindungan dan menjaga kepentingan dan hak-hak penduduk pribumi di Sabah. Rujuk Sabihah Osman, *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah, 1985, hlm. 16.

<sup>49</sup> James F. Warren, "The North Borneo Chartered Company's Administration of The Bajau, 1878-1909," Theses Master of Arts, Center for International Studies, Ohio University, 1971, hlm. 15.

<sup>50</sup> Ibid., hlm. 83.

<sup>51</sup> Sabihah Osman, *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah, 1985, hlm. 17.

<sup>52</sup> Ibid.

<sup>53</sup> Sabihah Osman, *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah, 1985, hlm. 18-19.

<sup>54</sup> Minogue K.R., *Nationalism*, Baltimore: Basics Books Inc, 1968, hlm. 1-3.

<sup>55</sup> Anthony D. Smith, *Nationalism: Theory, Ideology, History*, Cambridge: Polity Press, 2010, hlm. 1-2.

<sup>56</sup> James F. Warren, "The North Borneo Chartered Company's Administration of The Bajau, 1878-1909," Theses Master of Arts, Center for International Studies, Ohio University, 1971, hlm. 52-53.

<sup>57</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu Sempadan dan Kedaulatan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 24.

<sup>58</sup> *Chinese Defence Association* beribu pejabat di rumah Lee Khum Fah yang terletak di Menggatal iaitu sahabat baik Albert Kwok. Pertubuhan ini telah mendapat sokongan beberapa pertubuhan perubatan Cina di Sabah dan berjaya mengumpul dana sebanyak \$11,000. Sokongan padu dari masyarakat Cina ini mendorong kepada penubuhan KGDF. Serangan KGDF pada 9 Oktober 1943 telah mensasarkan pekan Tuaran, balai polis Menggatal dan Jesselton yang akhirnya memberi kejayaan kepada KGDF. Rujuk Abu Bakar B. Hj. Abdul Latip (1981/1982), "Pendudukan Jepun Di Sabah, 1942-1945," Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, hlm. 64 dan K.G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*, Singapore: University of Malaya Press, 1958, hlm. 217.

<sup>59</sup> *Double Tenth* dijadikan sebagai hari penentangan sebagai simbolik kepada hari kebangsaan tanah besar China yang jatuh pada 10 Oktober. Oleh sebab itu, gerakan penentangan ini turut dikenali sebagai "Pergerakan Double Tenth". Rujuk K.G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*, Singapore: University of Malaya Press, 1958, hlm. 218.

<sup>60</sup> Abu Bakar B. Hj. Abdul Latip (1981/1982), "Pendudukan Jepun Di Sabah, 1942-1945," Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, hlm. 67-69, Evans, Stephen R, Sabah (*North Borneo*) *Under the Rising Sun Government*. Singapore: Tropical Press, 1990, hlm. 12, Ooi Keat Gin, *The Japanese Occupation of Borneo, 1941-1945*. New York: Routledge. 2011, hlm. 98-99, Cecelia Leong, *Sabah, The First 100 Years*, Kuala Lumpur: Nana Yang Muda, 1982, hlm. 23, F.G. Whelan, *A History of Sabah*. Singapore: Macmillan and Co (S) Private Ltd., 1970, hlm. 22, F.G. Whelan, *Stories from Sabah History*, Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1968, hlm. 21, Lynette Ramsay Silver, *Blood Brothers: Sabah and Australia 1942-1945*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2010, hlm. 11., dan Bob Reece, *Masa Jepun: Sarawak Under the Japanese, 1941-1945*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1990, hlm. 11.

<sup>61</sup> Bob Reece, hlm. 61-62.

<sup>62</sup> Maxwell Hall, *Kinabalu Guerrillas: An Account of The Double Tenth 1943*, Borneo Literature Bureau: Caslon Printers Ltd., 1968, hlm. 71. Semasa Jepun menduduki Sabah, dasar IJA hanya membenarkan kegiatan menangkap ikan pada waktu siang sahaja. Sementara pada waktu malam, peraturan darurat dilaksanakan bermula dari pukul 6.00 petang hingga 6.00 pagi bagi mengelakkan berlakunya serangan terhadap kepentingan Jepun. Rujuk Mohd. Raduan Mohd. Ariff, *Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000, hlm. 146.

<sup>63</sup> Panglima Alli bin Imam Abbas Sani lahir pada tahun 1884. Beliau merupakan anak ketiga daripada 12 orang adik beradik. Beliau telah membuka petempatan di Pulau Sulug pada tahun 1904 setelah berpindah dari Pulau Dinawan dan Pulau Mengalum di perairan Jesselton. Beliau seorang yang berpendirian tegas, berkarisma dan penyayang sesuai dengan peranannya sebagai Imam dan Ketua Kampung di Pulau Sulug. Sifat tegasnya diterjemahkan melalui keputusan bijak mengadili permasalahan masyarakat setempat. Sifat semulajadi sebagai seorang pemimpin ini menyebabkan beliau disegani sebagai kawan dan lawan. Sila rujuk "Jejak Panglima Alli Tidak Takut Dibunuh Tentera Jepun," *Berita Harian*, 9 Disember 2007. Terdapat juga penjelasan oleh Ooi Keat Gin, *The Japanese Occupation of Borneo, 1941-1945*, New York: Routledge, 2011, hlm. 98-99, Cecelia Leong, *Sabah, The First 100 Years*, Kuala Lumpur: Nana Yang Muda, 1982, hlm. 22, F.G. Whelan, *A History of Sabah*. Singapore: Macmillan and Co (S) Private Ltd., 1970, hlm. 12, Bob Reece, *Masa Jepun: Sarawak Under The Japanese, 1941-1945*, Kuching:

Sarawak Literary Society, 1990, hlm.11 dan James Eng (Tahun tidak dinyatakan) “Pendudukan Jepun Di Sabah (North Borneo), 1942-1945”. *Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera*, Universiti Malaya, hlm. 10-15.

<sup>64</sup> Maxwell Hall, *Kinabalu Guerrillas: An Account of The Double Tenth 1943*, Borneo Literature Bureau: Caslon Printers Ltd. 1968, hlm. 79.

<sup>65</sup> Kehebatan Panglima Alli dalam melakukan penentangan terhadap *Kampietai* (Pengintip Jepun) menyebabkan kerajaan BNCC telah menganugerahkan gelaran “Panglima” kepada beliau. Malahan, beliau juga turut mendapat sokongan moral daripada rakan-rakan seperjuangannya seperti tokoh agama yang dikenali sebagai Yaakub, Imam Sailillah (Ketua masyarakat Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Kota Belud), Buldani, Damiah, Jawak, Saman Mawalli, Maamun, Toron, Ulah Sabbi, Saludin, Jaulan, Da Maanah, Inggal, Barahim, Naw, Makatabang, Aling, Akmad dan Malul. Temubual yang dilakukan dengan Damiah Panglima Alli di Pulau Gaya, Kota Kinabalu. “Perjuangan Pak Alli Menentang Jepun”, November 2010. Sila rujuk “Jejak Panglima Alli Tidak Takut Dibunuh Tentera Jepun,” *Berita Harian*, 9 Disember 2007.

<sup>66</sup> Ketika itu, Panglima Alli hanya menggunakan senjata *barung* (parang) dan tombak sahaja berbanding tentera Jepun yang menggunakan senjata api. Temubual yang dilakukan dengan Damiah Panglima Ali di Pulau Gaya, Kota Kinabalu. “Perjuangan Pak Alli Menentang Jepun”, November 2010

<sup>67</sup> Setelah Pak Alli dan pengikutnya ditangkap oleh tentera Jepun, keluarganya menghadapi ancaman bunuh oleh pihak Jepun dan kawasan Pulau Sulug dibakar. Pulau Sulug musnah dan seramai 54 orang penduduk tempatan terbunuh manakala seramai 60 orang lagi terselamat. 30 daripadanya yang terdiri daripada kanak-kanak telah berpindah ke Bongawan, Mandahan dan Buang Sayang di Papar sehinggalah tentera Jepun mengalami kekalahan pada September 1945. Walau bagaimanapun, seramai 25 orang daripadanya meninggal dunia akibat daripada masalah makanan yang tidak seimbang dan mengidap pelbagai jenis penyakit. Antara yang berhijrah ialah Kambangtuli, KK Jawak, Masiah, Illang, Edallah, Rukaiyah Saman, Sahawi Maamon, Misli Saman, Eksi Saman, Palahuddin Maamon, Pillak Jimlok, Makhsi Saman dan Tasiah Toron. Selepas berakhirnya perang, mereka kembali ke Pulau Sulug tetapi pulau berkenaan telah mengalami kemusnahan kesan peperangan. Justeru mereka berpindah ke Pulau Memutik dan seterusnya pada tahun 1960 mereka berpindah pula ke Pulau Manukan. Sebahagian lagi daripada mereka telah membuka petempatan baru di Tuaran iaitu KK Jawak pada tahun 1966. Beliau telah membuka Kampung Baru-Baru sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 2005. Maxwell Hall, *Kinabalu Guerrillas: An Account of The Double Tenth 1943*. Borneo Literature Bureau: Caslon Printers Ltd. 1968, hlm. 145-146 dan temubual yang dilakukan dengan Suhaili Jawak di Kg. Baru-Baru, Tuaran. “Perjuangan Panglima Alli Menentang Jepun”, November 2010

<sup>68</sup> Maxwell Hall, *Kinabalu Guerrillas: An Account of The Double Tenth 1943*, Borneo Literature Bureau: Caslon Printers Ltd. 1968, hlm. 11

<sup>69</sup> Ahmad Fawzi Mohd. Basri et.al., *Sejarah Tingkatan Satu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 11.

<sup>70</sup> Ibid., hlm. 150.

<sup>71</sup> Ibid., hlm. 147.

<sup>72</sup> Ibid., hlm. 149.

<sup>73</sup> Ibid., hlm. 146 Antara kaedah soal siasat yang digunakan oleh tentera Jepun ketika itu ialah diberi minum air sabun lalu dipijak yang menyebabkan perut terburai, tidak diberi makan sehingga mati kebuluran. Bagi mangsa yang mempunyai ilmu kebal, pihak Jepun telah menjemur mereka dan selepas itu dilemaskan di dalam air. Ada juga yang disiksa dengan cara menebuk kepala mangsa dan kemudiannya diletakkan garam. Rujuk R.M. Jasni, *Memoir Anak Sisa Peperangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm. 33

<sup>74</sup> Maxwell Hall, *Kinabalu Guerrillas: An Account of The Double Tenth 1943*, Borneo Literature Bureau: Caslon Printers Ltd. 1968, hlm. 150.

<sup>75</sup> K.P Tabrett, “The Founding of Semporna,” *Sabah Society Journal*, Vol. 16, 1999, hlm, 1-7.

## Rujukan

Abdullah Sani Haji Abdul Salleh (25 April 2009) “Legasi Politik Magindora”, <http://www.sabahkini.net> (18 Januari 2013)

Abdul Rahman Omar, *Aliran Gerakan Nasionalisme Di Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press, 1969.

Abu Bakar B. Hj. Abdul Latip, *Pendudukan Jepun Di Sabah, 1942-1945*, Latihan Ilmiah, Ijazah Sarjana Muda Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, (1981/1982).

Ada Prayer, *A Decade In Borneo*, Australia: General Books, 2009.

Adrian B. Lopian, *Orang Laut Bajak Laut Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX*. Jakarta: Komunitas Bambu, Agustus 2009.

Ahmad Fawzi Mohd. Basri et.al., *Sejarah Tingkatan Satu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Alber Kwok & The Double Ten Revolt: The 47<sup>th</sup> Anniversary, *Borneo Travel News*, No. 4 Oktober 1990

Asmad, *Sabah*, Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd, 1987.

Aussie War Vetrans Visiting Memorial Sites, *Utusan Borneo*, 17 Mac 1999.

Bob Reece, *Masa Jepun: Sarawak Under the Japanese, 1941-1945*, Kuching: Sarawak Literary Society, 1990.

Buku Atur Cara “Upacara Memperingati Mangsa-Mangsa Perang Di Petagas” pada 21 Januari 2012, 2012, Jabatan Cetak Kerajaan, Sabah, Malaysia

*British North Borneo Herald*, 1 Jun 1887.

*British North Borneo Herald*, 2 Februari 1903.

Cecelia Leong, *Sabah, The First 100 Years*, Kuala Lumpur: Nana Yang Muda, 1982.

Clifford Sather, *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-eastern Sabah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997.

Danny Wong Tze Ken, *Historical Sabah: The War*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2010.

David Fielding Borneo, *Jewel in a Jade Rainbow: Letters and legends from North Borneo Sabah*, Kota Kinabalu: Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA), 1997.

Damiah Panglima Alli, “Perjuangan Pak Alli Menentang Jepun” Pulau Gaya, Kota Kinabalu. November 2010

Elizeberth Borubui, Setiausaha Kerja “Upacara Memperingati Mangsa-Mangsa Perang Di Petagas” Pejabat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), 9 Januari 2013

Evans, Stephen R., *Sabah (North Borneo) Under the Rising Sun Government*, Singapore: Tropical Press, 1990.

Fujio Hara, “The 1943 Kinabalu Uprising in Sabah,” dlm. Paul H. Krastoska (Ed.) *Southeast Asian Minorities in the Wartime Japanese Empire*, London: Routledge Curzon, 2002.

Grisly Petagas Find-Jars with Bones of War Victims”, *Sabah Times*, 24 Mac 1979.

Heroes Monument, *Borneo Travel News*, Nov. 1993.

Heroes Tomb Recalls War Atrocities here, *The Borneo Post*, 26 September 1994.

Ian Black, A Gambling Style of Government: The Establishment of the Chartered Company’s Rule in Sabah, 1878-1915, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983.

James Francis Warren, *The North Borneo Chartered Company’s Administration of The Bajau, 1887-1909: The Pacification of a Maritime, Nomadic People*, Ohio University, 1971.

James Francis Warren, *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asia Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981.

James Eng, Pendudukan Jepun Di Sabah (North Borneo), 1942-1945, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, tanpa tahun.

Jasni, *Memoir Anak Sisa Peperangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Kota Kinabalu Junior Chamber: Reach Out and Achieve: In Remembrance of Our Heroes (1942-1945) “Learning from The Past a Better Foundation,” *The Borneo Post* - Special Issue 8 October 1998.

Let’s Not Forget Our Heroes, *Sabah Times*, 22 January 1989.

Laman Web Rasmi Pejabat Daerah Semporna. “Sejarah Daerah Semporna” dimuat turun dalam <http://www.sabah.gov.my/pd.sprn/sejarah.html> pada 18 Januari 2013

Liew Chi Nyen, “Yeujidei Beizheng de Hui Yi” (Tragic Memory of The Jesselton Kinabalu Anti-Japanese Guerilla) In Shu Yun Tsiao (ed.), *Malayan Chinese Resistance to Japan in 1937-1945 – Selection Source Materials*, Singapore: Culture & Historical Publishing House, 1984.

Lynette Ramsay Silver, *Blood Brothers: Sabah and Australia 1942-1945*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2010.

Lynette Ramsay Silver, *Sandakan: A Conspiracy of Silence*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2007.

Majul, Cesar A, *Muslim in the Philippines*, Quezon City: UP Press, 1973.

Man recalls his escape from death, *Sabah Times*, 22 Januari 1990.

Maxwell Hall, *Kinabalu Guerrillas: An Account of The Double Tenth 1943*, Borneo Literature Bureau: Caslon Printers Ltd, 1968.

Mohd Fadris Abdullah, “Perjuangan Masyarakat Pribumi Dalam Gerakan Anti-Jepun di Sabah” di Tapak Petagas Memorial Garden pada 9 Januari 2013

Mohd. Raduan Mohd. Ariff, *Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2000.

Mohammad Arif Dato’ Othman, *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi Dari Segi Sejarah, Undang-Undang dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Md. Saffie Abd. Rahim et.al., *Bajau Pantai Timur*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2012.

Nicholas Chung, *Under the Borneo Sun: A Tawau Story*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2005.

Nigel Heyward, *Sarawak, Brunei & North Borneo*, Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1963.

Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina Ke Atas Borneo Utara*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

Nik Anuar Nik Mahmud, *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu Sempadan dan Kedaulatan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

Nimmo, H. Arlo, *The Sea People of Sulu. A Study of Social Change in the Philippines*, San Francisco: Chandler Publishing Company, 1972.

Ooi Keat Gin, *The Japanese Occupation of Borneo, 1941-1945*, New York: Routledge, 2010.

*Profile Daerah Semporna*, Pejabat Daerah Semporna, Sabah R.M.

Ranjit Singh D. S., *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur University of Malaya Press, 2000.

Rayner Jopseh, "Perjuangan Masyarakat Pribumi Dalam Gerakan Anti-Jepun di Sabah" di Tapak Petagas Memorial Garden pada 9 Januari 2013

Robert Hoebel, *Sabah*, Singapore: Eurasia Press (Offset) Pte Ltd, 1984.

Rumaizah Lisun, "Upacara Memperingati Mangsa-Mangsa Perang Di Petagas," Penjaga Tapak Petagas Memorial Garden di Tapak Petagas Memorial Garden pada 9 Januari 2013.

Suhaili Jawak, "Perjuangan Pak Alli" di Kg. Baru-Baru, Tuaran, Kota Kinabalu, November 2010

Saat Awang Damit, "Perjuangan Pak Musah di Membakut", Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2 Ogos 2012 di Kota Kinabalu

Sabihah Osman, *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985.

Sabilah Kadir. et. Al., *Kisah Ombak Tiga Bersaudara: Kumpulan Cerita-Cerita Rakyat Etnik Bajau Semporna*, Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2008.

Saleeby, N, *History of Sulu*, Manila: Bureau of Printing, 1966.

Sixto Y, *The Sulu Archipelago and Its People*, NY: World Book Co, 1970.

Some Notes on the Jesselton 'Uprising, *North Borneo News*, 1 Mei 1950."

Sullivan A. Leong C., (ed.), *Cemmemorative Histor of Sabah 1881-1981*, Kota Kinabalu: Sabah State Government, 1981.

Sulu Link to Petagas Memorial, *Daily Express*, 26 Oktober 1997.

Tabrett K.P, "The Founding os Semporna," *Sabah Society Journal*, Vol. 16, 1999.

Tan, Samuel K, *The Filipino Muslim Armed Struggle, 1900-1972*, Makati: Filipinas Foundation, 1977.

The Double Tenth Rebellion, *Daily Express*, 6 November 1994.

Tregoning, K.G, *A History of Modern Sabah, 1881-1963*, Sigapura: Universty of Malaysia Press, 1965.

Tregonning K.G., *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*. Singapore: University of Malaya Press, 1958.

Tugu Peringatan Petagas Untuk Mengenang Pejuang, *Harian Mercur*, 20 Januari 1998.

Whelan F.G., *A History of Sabah*. Singapore: Macmillan and Co (S) Private Ltd, 1970.

Whelan F.G., *Stories from Sabah History*, Singapore: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, 1968.

Wilfredo Maggno Torres III, "Voyages and Ethnicity Across Reordered Frontiers: Conflict Resolution and Leadership in the Dynamics of Ethnic Identity Formation Among the Sama Dilaut of Semporna" *Economic Prospects, Cultural Encounters and Political Decisions: Reconstructing Scenes in A Moving Asia (East and Southeast). The Work of the 2002/2003*. API Felows.

Yap Beng Liang, *Orang Bajau Pulau Omdal: Aspek-Aspek Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983.

Yoji Akashi, "Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945," dlm. Wolf Mendl. (Ed.), *Japan and South East Asia*, New York & London: Routledge. 2001.

Zhang Delai (ed.), *The Hakka Experiment in Sabah: Commemorative Publication of the 90 Anniversary of the Arrival of the Hakkas and the Founding of Inanam-Menggatal-Telipok Towns*, Kota Kinabalu: Sabah Theological Seminary, 2007.